SATU KAJIAN "EXPLORATORY" KE ATAS

KOMUNITI NELAYAN DI KAMPONG JEPAK,

DAERAH BINTULU, SARAWAK.

Oleh

No. Matrik 29154

Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-Syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1979/80

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Pertama dan teristimewa sekali, saya ingin merakamkan jutaan terimakasih kepada Dr. Mohd Fauzi Yaacob, penyelia latihan ini atas segala tunjukajar, galakan, komen, cadangan, fahaman dan kerjasama yang telah diberikan di sepanjang perjalanan latihan ini. Kerelaan dan minat beliau membaca, membuat pembetulan dan mengubah deraf awal latihan ini di masa mana beliau juga kesibukan memberi kuliah dan mengurus hal-hal pentadbiran, adalah sangat-sangat saya hargai.

Saya ingin berterima kasih juga kepada penduduk-penduduk Kampong Jepak, terutama Sdr. Rejeli Bolhassan, yang telah sanggup berkerjasama di sepanjang kajianluar dan memudahkan latihan ini dipersiapkan. Terima kasih juga kepada pegawai-pegawai di Jabatan Perikanan Laut Sarawak dan Pejabat Majuikan, Cawangan Bintulu, Pejabat Daerah Bintulu dan Jabatan Tanah & Ukur, Bahagian Keempat atas kerjasama yang diberi.

Tidak melupai juga, penghargaan saya kepada Pak Chik Samad, Mak Chik Hasnah serta keluarga yang telah memberi segala kemudahan dan kepercayaan kepada saya. Begitu juga dengan rakan-rakan serumah terutama Zainal Abidin, Hamzah Zamhari dan lain-lain yang telah memberi bantuan moral serta galakan untuk menyiapkan latihan ini. Kepada mereka, saya banyak terhutang budi.

Akhir sekali kepada ayah, abang Man serta ahli-ahli keluarga semua, terima kasih tidak terhingga atas galakan, fahaman dan kepercayaan yang diberikan.

University of Malaya

Kesempurnaan latihan ini adalah hasil titik peluh dan sumbangan semua. Walaubagaimanapun kecacatannya, kalau ada, dari segi penyampaian, analisa dan mutu keseluruhan, tetap juga tanggungan saya seorang.

TERIMA KASIH

OLEH NO. MATRIK 29154
JABATAN ANTROPOLOGI-SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA

Disember 1979.

University of Malaya

# ISI KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| Dedikasi | | i |
| Penghargaan | | ii |
| Isi Kandungan | | iv |
| Senarai Peta | | vi |
| Senarai Jadual & Geraf | | vi |
| Senarai Gambar | | vii |
| Sinopsis | | viii |
| BAB 1 : | PENDAHULUAN | 1 |
| | Bidang & Tujuan Kajian | 1 |
| | Metodologi | 6 |
| | Masalah-Masalah Kajian | 10 |
| | Penyampaian & Penghuraian Kajian | 12 |
| BAB 2 : | KAMPONG JEPAK - SEBUAH PERKAMPUNGAN NELAYAN DI BINTULU | 15 |
| | Latarbelakang Umum Kawasan Kajian | 15 |
| | Pentadbiran Kampong | 19 |
| | Sejarah Kampong Jepak | 21 |
| | Kemudahan-Kemudahan yang terdapat di Kampong Jepak | 23 |
| | Aspek-Aspek Ekonomi Penduduk Kampong Jepak | 25 |
| BAB 3 : | PERIKANAN DI KAMPONG JEPAK | 42 |
| | Organisasi Ekonomi Perikanan | 42 |
| | Teknik-Teknik Penangkapan Ikan | 47 |


University of Malaya

Muka Surat

Pengeluaran & Pemasaran . . . . . . . . . . 55

Masalah-Masalah yang dihadapi oleh Para Nelayan 58

Usaha-Usaha & Rancangan Kerajaan . . . . . . 65

BAB 4 : STRATIFIKASI SOSIAL PENDUDUK KAMPONG JEPAK . . 76

Kriteria Utama Susunlapis Sosial . . . . . . 77

Mobility Penduduk . . . . . . . . . . 84

BAB 5 : PENUTUP: PROSPEK & MASALAH PEMBANGUNAN DALAM PERUSAHAAN PERIKANAN DI KAMPONG JEPAK . . . . . 87

Polisi Kerajaan terhadap Pembangunan Perikanan . 89

Sikap Nelayan terhadap pembangunan . . . . 93

Prospek Pembangunan . . . . . . . . . . 95

Bibliografi . . . . . . . . . . . . . . . 99

Soal-selidik . . . . . . . . . . . . . . . 104

Lampiran A . . . . . . . . . . . . . . . 108

Lampiran B . . . . . . . . . . . . . . . 109

Keratan artikel dari akhbar . . . . . . . . . . 110

## Senarai Peta

Peta 1 : Lokasi Kampong Jepak dan lain-lain Kampong Nelayan di Kawasan Pantai Sarawak.

Peta 2 : Peta lakar menunjukkan penggunaan tanah di Daerah Bintulu.

Peta 3 : Pusat-Pusat Pentadbiran Jabatan Perikanan Laut (Malaysia) Sarawak.

Peta 4 : Kawasan Perikanan Nelayan Kampong Jepak.

## Senarai Jadual & Geraf

Jadual 1:1 Kedudukan Impot dan Ekspot Ikan Sarawak bagi tahun 1969-1976.

Jadual 2:1 Bilangan Nelayan di kawasan Bintulu.

Jadual 2:2 Bandingan Bilangan Nelayan di Kampong Jepak antara tahun-tahun 1971, 1974 dan 1978.

Jadual 2:3 Jenis-Jenis pekerjaan responden-responden.

Jadual 3:1 Pendapatan Nelayan dengan kaedah masing-masing.

Jadual 3:3 Jumlah subsidi yang diperolehi oleh Nelayan-Nelayan di Sarawak.

Jadual 3:4 Bilangan Nelayan dalam kawasan koperasi Bintulu dan Kuala Tatau mengikut bangsa dan kategori.

Jadual 3:5 Bilangan Bot yang dimiliki oleh Ahli Persatuan mengikut Jenis.

Jadual 3:6 Bilangan Bot yang dimiliki oleh Ahli Persatuan Mengikut Jenis Perkakas yang digunakan.

Jadual 3:7 Pinjaman Perikanan SEDC (1962-1972).

Jadual 3:8 Kedudukan subsidi yang diperolehi oleh Ahli-ahli Persatuan Nelayan, Bintulu.

University of Malaya

Geraf: 3:1 Bilangan bot mengikut kuasa kuda dan hasil tangkapan tahun 1972-1976.

**Senarai Gambar**

Gambar : Kampong Jepak

Gambar : Bukit Jepak

Gambar : Jambatan dan Jalan kaki Bersimen yang menghubungi Kampong Jepak dengan Kampong Sebuan.

Gambar : Pemandangan dalam Kampong Jepak.

Gambar : Bangunan Sekolah Rendah Kampong Jepak.

Gambar : Surau Kampong Jepak yang baru dibina pada tahun 1978.

Gambar : Terendak dan Perkakas-Perkakas membuatnya.

Gambar : Membuat tumpe dalam rumah asap.

Gambar : Kedai Runcit yang terdapat banyak di tepi jalan kaki.

Gambar : Sebuah motortambang yang mengangkut para penumpang dari Kampong ke bandar dan sebaliknya.

Gambar : Pemandangan di Pasar Ikan Bintulu.

Gambar : Nelayan mendaratkan ikan.

Gambar : Seorang Nelayan Pukat Ranto dengan botnya.

Gambar : Rumah seorang nelayan pukat Ranto yang bekerja sendiri.

University of Malaya

## SINOPSIS

Kajian ini merupakan satu kajian "exploratory" ke atas satu komuniti nelayan dengan tujuan untuk membicarakan sejauhmanakah maju atau mundurnya penyertaan para nelayan dalam perusahaan perikanan. Dalam kajian ini dibicarakan juga tentang peranan yang dimainkan oleh golongan orang tengah. Tujuan pengkaji di sini ialah untuk menguji sameda saranan yang menyatakan bahawa peranan eksploitatif orang tengah telah mengakibatkan kemiskinan di kalangan masyarakat tani menepati realiti atau sebaliknya. Di samping itu, kajian meliputi juga aspek kehidupan sosial dalam Kampong yang dikaji. Ini termasuklah corak latar-belakang kawasan, pentadbiran, organisasi ekonomi, gaya kehidupan dan susunlapis sosial.

Dari penemuan-penemuan pengkaji, adalah didapati dalam beberapa hal, memang benar kemiskinan di kalangan para nelayan adalah bersebab dari sikap eksploitatif orang tengah. Namun, pengekalan perhubungan nelayan-orang tengah adalah akibat dari kelemahan institusi-institusi, seperti Majuikan dan Persatuan Nelayan, yang dibentuk khusus untuk mengawal kegiatan orang tengah itu. Aspek-aspek perlaksanaan, fungsi dan peranan, kejayaan serta kegagalannya dalam mengawal kegiatan golongan orang tengah juga dibincangkan. Selain dari itu, didapati bahawa orang-orang tengah tersebut mengadakan berbagai <u>counter-measures</u> untuk menarikkan para nelayan supaya terus berhubungan dengan mereka. Di antara lain,

University of Malaya

langkah-langkah itu termasuklah memberi kemudahan kredit, penyerahan hak-milik bot yang disewa dan sebagainya. Ini mengakibatkan penggantungan berterusan para nelayan kepada mereka. Untuk mengawal kegiatan mereka ini, perlu diperbanyakkan lagi kemudahan-kemudahan serta mengeluarkan subsidi-subsidi untuk para nelayan. Aspek pemasaran perlu dipertimbangkan apabila membentuk dasar bagi meninggikan lagi taraf ekonomi dalam bidang perikanan ini.

Aspek lain yang diketengahkan dalam latihan ini ialah penilaian ke atas perlaksanaan polisi oleh agensi-agensi Kerajaan dengan tujuan untuk melihat setakatmana yang telah dirasai dan diresapi oleh rakyat dalam sektor ini.

University of Malaya

BAB 1

PENDAHULUAN

Bidang Dan Tujuan Kajian

Aspek-aspek yang menarik minat ahli-ahli di dalam mengkaji masyarakat tani[1] ialah cara hidup mereka, pekerjaan, pendapatan, penggunaan, simpanan, masalah kemiskinan serta susunlapis sosial, politik, kekeluargaan dan adat istiadat. Firth dalam kajiannya[2] telah memberi gambaran yang sungguh menarik tentang komuniti nelayan di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia. Kajian oleh Firth ini telah sedikit-sebanyak mendorong pengkaji sendiri untuk menjalankan kajian keatas komuniti nelayan di Sarawak kerana terdapat kurangnya kajian dan penyelidikan yang dijalankan dalam bidang ini.

Pengkaji telah menjalankan kajian keatas komuniti nelayan di Kampong Jepak untuk melihat sejauhmanakah benar saranan yang mengatakan bahawa kemiskinan di kalangan masyarakat tani (yang termasuk masyarakat nelayan) adalah bersebab dari pengeksploitasian oleh orang tengah.

---

(1) Terdapat beberapa definisi yang telah diberikan oleh beberapa pengkaji masyarakat dalam pemahaman mereka tentang apakah dia yang dikatakan sebagai "masyarakat tani". Secara ringkasnya, rumusan yang didapati dari definisi-definisi mereka ialah bahawa terdapatnya dua aliran pemikiran yang utama tentang masyarakat peasant atau tani. Ada pengkaji yang menekan masyarakat tani adalah mereka yang khususnya mengerjakan tanah saja, sementara yang lain pula menggolongkan masyarakat peasant merangkumi petani yang mengerjakan tanah dan lain-lain pengeluar kecil-kecilan. Sikap pengkaji ialah mengambil pandangan yang kedua tadi.

(2) Firth, Raymond, Malay Fishermen: Their Peasant Economy, Routledge & Kegan Paul Ltd., 1966.

Perusahaan perikanan sedang diperluaskan perkembangannya di Sarawak. Pada akhir-akhir ini, sektor ini telah melahirkan pertumbuhan ekonomi yang berkesan. Sumbangannya dari segi nilai matawang telah meningkat.[3]

Jadual 1:1

Kedudukan Impot dan Ekspot Ikan Sarawak bagi Tahun 1969 - 1976

| Tahun | Impot | | Ekspot | |
|---|---|---|---|---|
| | Kuantiti (Tan) | Nilai ($) | Kuantiti (Tan) | Nilai ($) |
| 1969 | 2927.89 | 5,243,631 | 110.66 | 268,075 |
| 1970 | 1783.89 | 3,847,232 | 272.03 | 609,475 |
| 1971 | 2397.96 | 2,705,692 | 895.52 | 2,209,041 |
| 1972 | 2336.82 | 2,744,391 | 1145.34 | 5,301,553 |
| 1973 | 2815.91 | 3,610,494 | 1359.32 | 7,146,986 |
| 1974 | 2077.20 | 3,361,652 | 1518.27 | 6,552,236 |
| 1975 | 2216.22 | 4,116,820 | 1271.90 | 5,770.850 |
| 1976 | 1755.45 | 3,853,409 | 2193.55 | 14,512,073 |

Sumber: Lapuran Jabatan Perikanan Laut Sarawak.

(3) Sumbangan sektor perikanan kepada pertumbuhan ekonomi negeri ialah dari segi nilai ekspot yang bertambah dari tahun kesetahun (berdasarkan Jadual 1:1). Satu kenaikan mengejut dalam tahun 1976 adalah berkait rapat dengan perkembangan perusahaan pukat tunda - satu perubahan teknoloji cara tangkapan.

University of Malaya

Penyediaan infrastruktur asas, kemudahan-kemudahan pemasaran, perkhidmatan latihan dan kemudahan kredit melalui persatuan nelayan adalah antara usaha-usaha yang membuktikan titikberat kerajaan terhadap perkembangan sektor ini.

Walaubagaimanapun, adalah didapati bahawa pertumbuhan ekonomi dalam sektor ini pada keseluruhannya telah tidak dapat memberi keuntungan kepada nelayan-nelayan tradisional bumiputera. Gejala kemiskinan masih meluas di kalangan para nelayan, yang merupakan akibat daripada penindasan keatas mereka oleh orang-orang tengah. Jelas dapat dilihat peranan yang dimainkan oleh orang tengah dalam proses pemasaran. Hal ini diakui sendiri oleh pakar-pakar ekonomi, "....In marketing, the trader in rural produce is so dominant in local market that his position is virtually that of a monopsonist. He reinforces this position by influencing the rural producer to buy his consumer goods and where possible his capital good from the same trader. The trader's adroit use of credit or advances strengthens his position. He is thus a monopsonist and monopolist vis-a-vis the individual rural producer".[4]

---

(4) Ungku A. Aziz Hamid, Selected Aspects of Rural Development in Malaysia, A discussion paper for a Conference on Economic Development organised by ECAFE in Bangkok, 29-31 Jan. 1970.

Ini adalah merupakan salah satu sebab yang telah diutarakan oleh pengkaji-pengkaji awal[5] apabila membincangkan perkara kemiskinan. "The failure of the marketing system, based on middlemen, to provide the fishermen with opportunities for saving and investment in their own industry, is commonly recognized. It is proved by the agelong poverty of fishing communities in all underdeveloped countries".[6] Berdasarkan penyelidikan-penyelidikan dan kajian-kajian mereka, adalah menjadi tujuan latihan ini menguji atau membuktikan samada saranan yang telah mereka utarakan, bahawa orang tengah telah memainkan peranan yang besar yang mengakibatkan kemiskinan di kalangan para nelayan, menepati pada keadaan realitinya. Dengan itu pengkaji telah mengambil nelayan-nelayan di Kampong Jepak sebagai sample untuk menguji hipotesis tersebut. Rasional pemilihan kajian ini adalah kerana keadaan kemiskinan yang dialami oleh sektor tradisi luarbandar yang menduduki lapisan paling rendah dalam susunan sosio-ekonomi negara ini.

---

(5) Ungku Aziz misalnya memperkatakan tentang "... exploitation, low productivity and neglect". Sebenarnya sungguh banyak sebab-sebab yang boleh dikaitkan dengan persoalan kemiskinan di desa. Pengeksploitasian oleh orang tengah adalah satu daripadanya. Sila kaji, Ungku A. Aziz, Poverty and Rural Development in Malaysia, dalam Kajian Ekonomi Malaysia Vol. No.1, Jun 1964. H.M. Dahlan, Micro-Analysis of Village Communities in Peninsular Malaysia: A Study of Underdevelopment dalam The Nascent Malaysian Society (ed.) H.M. Dahlan, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Sharifah Zaleha Hassan, Institution Vs Technology in the Fishing Industry: A Case Study dalam Kajian Ekonomi Malaysia Vol.XIII No.1 & 2 Jun/Dec 1976. etc.

(6) Lihat artikel Kirby E.S. & Szczepanik, E.F. dalam terbitan F.A.O.: The Economics of Fisheries, m.s. 98 (dipetik dari Munro G.R. & Chee Kim Loy, The Economics of Fishing and the Developing World: A Malaysian Case Study, U.S.M., 1978). Lihat juga Szczepanik, Edward Franciszek, The Economic role of middlemen and cooperatives in Indo-Pacific Fisheries, FAO, Rome, 1960.

Adalah menjadi tujuan latihan ini untuk mengkaji secara "exploratory" sejauhmana maju atau mundurnya penyertaan para nelayan dalam perusahaan perikanan. Selain daripada itu, satu daripada bidang kajian ini meliputi juga segala aspek kehidupan sosial dalam Kampong yang dikaji. Ini termasuklah corak latarbelakang kawasan, pentadbiran, organisasi ekonomi, gaya kehidupan dan susunlapis sosial. Faktor-faktor sosial perlu diperkatakan untuk melihat implikasinya keatas sistem ekonomi. Faktor sosial tidak dapat dipisahkan dari sistem ekonomi dan merupakan salah satu faktor penting yang memberi kesan kepada pendapatan, penggunaan dan simpanan.(7)

Dasar Ekonomi Baru, melalui kedua-dua Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga antara lainnya mengemukakan unsur-unsur bagi menggalakkan perkembangan sektor perikanan ini untuk mencapai matlamat tingkat ekonomi yang lebih tinggi. Dengan itu, kajian ini juga memperlihatkan setakat manakah perlaksanaan polisi itu dapat dirasai dan diresapi oleh rakyat dalam sektor ini.

Pengkaji juga akan meninjau peranan yang dimainkan oleh institusi tertentu yang terlibat secara langsung di dalam perusahaan ini. Institusi-institusi yang ujud di kawasan ini ialah Persatuan Nelayan yang diselenggarakan oleh Majuikan dan juga bantuan subsidi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan. Tetapi institusi Persatuan Nelayan ini

---

(7) Abdul Kadir bin Wan Yusoff, Kajian Sosio-Ekonomi Komuniti Nelayan dan Petani, Tesis M.A. 1974, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

gagal untuk berfungsi sebagaimana sepatutnya. Tegasnya, kajian ini akan meneliti sejauhmanakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan telah memberi kesan kepada kedudukan sosio-ekonomi para nelayan.

Untuk mendapat gambaran yang lengkap pengkaji akan cuba mendedah beberapa perkara dan isu-isu yang penting dan seterusnya mengaitkan peranan yang dimainkan oleh orang tengah dengan kemiskinan di kalangan nelayan. Aspek-aspek ekonomi, sosial, sosio-ekonomi adalah antara aspek-aspek yang akan diketengahkan di dalam latihan ini.

Metodologi

Beberapa cara telah pengkaji pertimbangkan untuk menjalankan kajian ini. Pertama, kajian dilakukan dengan menggunakan data-data yang dikeluarkan oleh Jabatan-Jabatan Perikanan dan statistik atau maklumat dalam terbitan-terbitan jernal dan akhbar-akhbar. Masalah kaedah ini ialah tiadanya data-data yang lengkap. Oleh itu kaedah ini mungkin tidak sempurna.

Kedua, kajian juga dilakukan dengan menggunakan teknik "key-informant" yang melibatkan pengutipan data-data dan maklumat-maklumat dari orang yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang ini. Orang-orang ini termasuklah ketua kampong, pegawai perikanan atau orang-orang yang lama hidup sebagai nelayan. Kaedah ini memberi gambaran yang menyeluruh tentang aspek yang dikaji.

Di samping teknik-teknik di atas, pengkaji juga menjalankan temuduga melalui soal-selidik atau "questionnaires" yang telah pengkaji sediakan sendiri. Oleh demikian, kajian ini telah mempergunakan ketiga-tiga pendekatan ini.

Kajian amali untuk latihan ini dibuat sepanjang cuti akademik Universiti Sessi 1978/79, dari awal bulan Februari hingga ke akhir bulan Mei, 1979. Sebelum itu, pengkaji telah membuat beberapa rujukan dan bacaan am dalam bidang perikanan dari buku-buku, makalah-makalah, projek-projek penyelidikan tahun-tahun yang sudah mengenai perkara yang ingin dikajikan dari Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Cawangan Bintulu, Pejabat Majuikan, Pejabat Daerah Bintulu, Jabatan Tanah dan Ukur Sarawak, Bahagian Keempat juga dihubungi.

Kajian seterusnya merupakan pemeriksaan kawasan yang dikaji, memerhatikan aspek-aspek yang harus dan perlu dititikberatkan. Usaha ini dilakukan dengan kerjasama seorang pensyarah yang telah datang ke tempat penyelidikan. Rumusan sementara dipertimbangkan dari pemerhatian yang dilakukan tadi. Satu set soal-selidik disediakan berasaskan pemerhatian dan rumusan-rumusan tadi bagi memudahkan satu kajianluar dilakukan.

Peringkat seterusnya melibatkan pengutipan data-data dengan berpandukan soal-selidik. Oleh kerana kawasan penyelidikan adalah besar, yang mengandungi kira-kira 100 lebih rumahtangga, maka tidak semua penghuni Kampong ditemui. Pengkaji telah memilih 50 buah rumahtangga sebagai sample

dan responden-responden pengkaji terdiri dari ketua-ketua rumahtangga tersebut.

Pengkaji telah membuat penumpuan yang lebih keatas para nelayan, iaitu, nelayan sepenuhmasa dan separuhmasa, nelayan yang mempunyai pemilikan bot dan pukat dan mereka yang tiada mempunyai apa-apa milikan. Selain dari itu, pengkaji juga menemuduga tukang bot, pekebun-pekebun kecil, terutamanya pekebun kecil getah dan lada dan beberapa orang pekedai-pekedai runcit serta "key-informants". Mereka ini ditemui dan ditemuduga. Beberapa orang "key-informant" juga ditanya mengenai beberapa aspek penting yang tidak dimasukkan dalam set soal-selidik. Maklumat dari cara ini dicatitkan berasingan.

Untuk mempertahankan "consistency" maklumat, segala temuramah dan catitan telah pengkaji usahakan di sepanjang kajianluar. Sebahagian besar temuramah dibuat di Kampong Jepak. Pengkaji menjalankan temuramah terutamanya pada hari-hari Ahad dan cuti awam di mana kebanyakan orang-orang Kampong tidak bekerja, terutamanya mereka yang bekerja dengan Kerajaan atau sebagai buruh-buruh di kilangpapan. Pengkaji menemui para nelayan yang lain di hari-hari biasa semasa mereka balik dari laut. Pengkaji sangat bernasib-baik kerana berpeluang menemui para nelayan yang menjalankan pukat "Rantau" (atau Ranto) yang pada bulan April itu, telah tidak keluar ke laut kerana bulan terang. Ini telah memudahkan berlangsongnya temuramah pengkaji dengan mereka. Namun demikian, pengkaji juga melawati rumah kediaman mereka berkali-kali di sepanjang tiga bulan kajian amali.

Di Kampong tersebut, usaha juga di buat untuk memerhatikan cara-cara keluarga nelayan melakukan kerja-kerja sampingan, di samping memerhati juga ciri-ciri pertempatan tersebut.

Perlu dinyatakan awal-awal lagi bahawa data-data yang dikutip dan digunakan dalam kajian ini adalah data-data yang berhubung dengan keseluruhan kategori penduduk Kampong Jepak, dengan tumpuan khas adalah diberikan kepada kategori nelayan yang sepenuhmasa dan separuhmasa. Oleh kerana kajian ini merupakan satu kajian "exploratory" keatas sebuah perkampungan nelayan, maka responden-responden pengkaji juga terdiri daripada buruh di kilang-kilang papan, buruh kontrak, pegawai-pegawai Kerajaan, pekebun-pekebun lada dan penoreh getah. Adalah diharapkan agar kaedah ini akan berkemampuan mencerminkan keadaan sosio-ekonomi diperkampungan tersebut dengan lebih berkesan, lebih lengkap dan lebih nyata.

Pemilihan Kampong Jepak sebagai fokus dalam kajian ini ialah atas sebab ianya merupakan kampong nelayan yang masih menampakkan ciri-ciri sebuah perkampungan nelayan tradisional jika dibandingkan dengan lain-lain kampong nelayan di bandar Bintulu, yang telah menerima unsur-unsur atau ciri-ciri perbandaran. Tidak dinafikan, Kampong Jepak juga menerima pengaruh perbandaran tetapi adalah pada peringkat yang minima. Ini adalah kerana lokasinya di seberang sungai boleh dikatakan sebagai menghalang penerimaan masuk pengaruh-pengaruh bandar dengan cepatnya ke kampong tersebut. Oleh itu ciri-ciri perkampungan nelayan lama atau tradisional masih dapat dikesan dan diperhatikan meskipun dalam dua atau tiga tahun lagi ciri-ciri ini mungkin tidak kelihatan lagi. Maknanya,

University of Malaya

di sini Kampong Jepak ketika ini masih lagi di dalam sifat transisinya dalam sekel "Rural-Urban Continuum".[8]

## Masalah-masalah Kajian

Beberapa rintangan dan masalah telah pengkaji hadapi dalam menjalankan kajianluar untuk menyiapkan latihan ini. Masalah utama ialah kesukaran untuk mendapat keterangan yang benar dan tepat. Adalah amat sukar untuk mengutip data-data yang paling tepat dari penduduk Kampong tersebut, terutamanya yang bersabit dengan pendapatan. Ada di antara responden-responden yang merasa sensitif terhadap persoalan tersebut dan tidak mahu bekerjasama sepenuhnya.

Selain dari itu, pengkaji mendapati sukar untuk mendapat angka yang tetap mengenai jumlah pendapatan, jumlah penggunaan dan simpanan di dalam sebulan sebab perkara-perkara itu tidak stabil. Keterangan yang didapati semata-mata berdasarkan kepada anggaran.

---

[8] Lihat Redfield, The Little Community Peasant Society and Culture, Chicago, University Press of Chicago, 1960. Lihat juga Rokiah Talib, "Jalinan Hubungan Sosial di Kampong Bandaran" di dalam Dr. Zainal Kling (ed.), Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur.

Redfield tidak melihat desa atau bandar sebagai "dichotomous", dua "pole" yang bertentang. Beliau beranggapan bahawa ujud "continuum" antara desa dengan bandar dan bukan dikotomi, maka dapatlah dianggap beberapa variasi desa dan bandar akan terdapat digarisan kontinum itu, tiap-tiap satu lebih atau kurang ciri-ciri kedesaan atau kebandarannya.

Smelser (1967) dalam Sociology: An Introduction, John Wiley & Sons Inc. mengatakan, "Thus our conception of rural and urban must include an awareness that these are polar types, and that communities may be found on the so-called 'continuum' that extends from one extreme pole to the other".

Responden-responden tidak suka memberitahu berapa banyak simpanan dan harta yang dimiliki dengan tepat. Jawapan seperti "adalah sedikit" dan "cukup makan" sering didapati. Namun demikian, pengkaji telah juga menggunakan ukuran-ukuran lain seperti memerhatikan perabot-perabot yang terdapat dalam rumah dan keadaan rumah untuk mendapat pengesahan samada maklumat yang mereka berikan boleh di terima atau tidak. Pengkaji terpaksa mengulangkan soalan beberapa kali untuk mendapatkan kerjasama mereka.

Satu lagi kesulitan yang pengkaji hadapi ialah rasa curiga responden-responden terhadap pengkaji sendiri. Penduduk Kampong merasai curiga bila orang yang tidak dikenali datang dan bertanyakan berbagai soalan mengenai mereka. Perasaan curiga itu dapat diperhatikan apabila mereka memberi jawapan kepada soalan-soalan yang personal mengenai diri mereka. Oleh itu pada setiap rumahtangga yang dilawati terpaksa terlebih dahulu diterangkan secara panjang lebar mengenai tujuan kajian dijalankan.

Masalah lain yang pengkaji hadapi adalah masalah berkomunikasi. Ini adalah kerana penghuni Kampong tersebut adalah terdiri dari sukubangsa Melanau (atau Melano). Mereka mempunyai dialek atau bahasa mereka sendiri. Pengkaji sendiri tidak faham dan tidak mengetahui banyak dari istilah-istilah yang mereka gunakan. Walaupun mereka tahu dan faham bercakap Bahasa Melayu Sarawak, iaitu, bahasa yang pengkaji gunakan apabila pengkaji bertemuramah dengan mereka, mereka lebih suka bertutur dalam bahasa mereka sendiri. Pengkaji bernasib-baik kerana seorang kawan pengkaji yang berasal dari Kampong tersebut telah dapat membantu mengin-terpretasikan kepada pengkaji apa yang mereka perkatakan. Dengan bantuan-

nya, masalah ini telah sedikit-sebanyak dapat diatasi dan memudahkan kajian dijalankan. Dengan lain-lain responden, pengkaji telah menggunakan bahasa Melayu Sarawak dalam temuramah-temuramah dan bahasa ini boleh dikatakan sebagai bahasa "standard" yang diketahui dan boleh difahami oleh setiap golongan etnik di Sarawak.

Penyampaian dan Penghuraian Kajian

Pengkaji telah menggunakan banyak rujukan seperti buku-buku, kertas-kertas kerja, lapuran-lapuran serta tesis-tesis sebagai panduan kajian. Antara lainnya adalah disenaraikan dalam bibliografi di bahagian akhir latihan ini. Walaubagaimanapun, teknik yang pengkaji gunakan adalah sebahagian besarnya hasil dari pemerhatian pengkaji keatas latihan-latihan ilmiah yang lepas-lepas.

Pengkaji dahulukan latihan ini dengan memberi penerangan ringkas mengenai bidang dan tujuan kajian, metodologi kajian serta masalah-masalah yang berkaitan, sambil juga memberi penghuraian mengenai aspek-aspek yang akan di sentuh dalam tiap-tiap bab latihan ini. Dalam bab pertama, pengkaji mulakan dengan mengenali latarbelakang kepada kajian ini serta mengutarakan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh orang-orang perseorangan atau pihak Kerajaan sendiri tentang kemiskinan dan peranan orang tengah di dalam negara kita sendiri. Tumpuan khas adalah ditujukan kepada sektor perikanan dan komuniti nelayan, yang juga merupakan sebahagian daripada masyarakat tani. Adalah perlu dinyatakan di sini bahawa tujuan latihan ini adalah sebagai pengesahan terhadap

dakwaan bahawa kemiskinan atau kemunduran di sektor ini adalah akibat dari pengeksploitasian oleh orang-orang tengah.

Dalam bab kedua pula, di sentuh tentang Kampong Jepak sebagai salah sebuah perkampungan nelayan di Bintulu. Perbincangan ditumpukan kepada latarbelakang umum kawasan kajian, pentadbiran Kampong, sejarah Kampong Jepak serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di situ. Selain dari itu, pengkaji akan menyentuh tentang kegiatan ekonomi penduduk Kampong seperti menoreh getah, menanam lada dan sebagainya. Analisa mengenai berbagai-bagai ciri komuniti nelayan yang terdapat di Kampong tersebut, komposisi para anggotanya dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh para penduduk, juga tidak ketinggalan diperihalkan dalam bab ini.

Dalam bab ketiga pula, pengkaji memperluaskan perbincangan dengan mengkaji aspek-aspek fizikal perusahaan perikanan di Kampong Jepak sendiri. Di sini tumpuan utama ialah kepada aspek-aspek ekonomi perusahaan perikanan atau organisasi ekonomi perusahaan tersebut, di mana perbincangan dipusatkan kepada teknik-teknik perikanan yang digunakan (samada cara tradisional ataupun yang moden), masalah-masalah yang dihadapi oleh para nelayan, aspek pengeluaran dan pemasaran di dalam perusahaan perikanan, pendapatan nelayan dan penggantungan mereka kepada orang tengah.

Aspek-aspek sosio-ekonomi kaum nelayan dan seluruh penduduk diperihalkan seterusnya dalam bab keempat. Di sini dibincangkan stratifikasi sosial penduduk-penduduk, status sosial dan mobiliti penduduk.

Latihan ini disudahi dengan membentangkan beberapa prospek dan masalah pembangunan dalam sektor perikanan di Kampong Jepak khasnya. Di samping itu, akan dibicarakan juga peranan Kerajaan untuk meningkatkan taraf kehidupan para nelayan. Pengkaji juga akan membicarakan sikap para nelayan terhadap pembangunan dibahagian kesimpulan ini, dan seterusnya mengaitkannya dengan kadar kemiskinan di kalangan mereka.

University of Malaya

# BAB 2

## KAMPONG JEPAK - SEBUAH PERKAMPUNGAN NELAYAN DI BINTULU

Dalam bab ini pengkaji akan menyentuh perkara-perkara seperti latarbelakang umum kawasan kajian, pentadbiran Kampong Jepak, sejarah kampong, kemudahan-kemudahan yang terdapat serta aspek-aspek ekonomi penduduk Kampong Jepak.

### Latarbelakang Umum Kawasan Kajian

Kampong Jepak terletak dalam daerah Bintulu, salah sebuah daerah yang penting dalam Bahagian Keempat, Sarawak. Pusat pentadbiran Bahagian tersebut ialah Miri. Maka segala urusan pentadbiran Bintulu adalah disusun atau diatur oleh Ibu Pejabat Bahagian di Miri.

Bandar Bintulu terkenal sebagai salah sebuah bandar nelayan di Sarawak amnya dan di Bahagian Keempat khasnya. Ini adalah kerana berdasarkan jumlah pendaratan ikan, Bintulu menyumbangkan jumlah yang besar jika dibanding dengan lain-lain kawasan di bahagian tersebut (Sila lihat lampiran). Di samping itu, kira-kira 370 orang daripada penduduk di bandar tersebut adalah terlibat dalam perusahaan perikanan samada sebagai nelayan sepenuhmasa ataupun separuhmasa.

Kampong Jepak terletak di satu kawasan pantai yang panjang di seberang Sungai Bintulu atau, mengikut namanya sekarang, Batang Kemena. Dahulunya seluruh kawasan pantai tersebut dikenali sebagai Kampong Jepak atau Kampong Seberang. Tetapi sekarang ini untuk faedah pentadbiran,

Lokasi Kampong Jepak dan lain-lain kampong nelayan




University of Malaya

Jadual 2:1

Bilangan Nelayan di Kawasan Bintulu

| Tahun | Kawasan | Nelayan | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | | Sepenuhmasa | Separuhmasa | |
| 1978 | Bintulu | 60 | 310 | 370 |
| | Kuala Tatau[1] | 20 | 100 | 120 |

Sumber: Jabatan Perikanan Laut, Sarawak Cawangan Bintulu.

ianya telah dibahagi dua dengan berdasarkan dua buah sungai kecil, iaitu Sungei Sebuan Kecil dan Sungai Sebuan Besar. Dengan itu terbentuklah Kampong Sebuan yang mengambil nama sempena sungai tadi dan Kampong Jepak disebelahnya. Tumpuan pengkaji hanyalah kepada Kampong Jepak sahaja dan responden-responden pengkaji hanya terdiri dari penduduk Kampong itu.

Kampong Jepak merupakan salah sebuah perkampungan nelayan yang penting di daerah Bintulu. Ini adalah kerana dari keseluruhan jumlah nelayan di kawasan Bintulu, 86 orang nelayan sepenuhmasa dan separuhmasa adalah dari Kampong Jepak. Yang lain-lainnya terbahagi di lain-lain kampong seperti Kampong Sebiew, Kampong Dagang dan sebagainya. Di sini jelas bahawa antara kampong-kampong nelayan di Bintulu, sebahagian besar para nelayan adalah datangnya dari Kampong Jepak.

---

(1) Kuala Tatau adalah sebuah pekan kecil yang letaknya tidak jauh dari bandar Bintulu, iaitu, kira-kira dua jam perjalanan bot. Ianya digabungkan dengan Bintulu sebagai satu unit atau kawasan perikanan di Bahagian Keempat, Sarawak.

University of Malaya



GAMBAR 1 : KAMPONG JEPAK

University of Malaya

Satu perkara yang menarik perhatian pengkaji ialah jumlah nelayan-nelayan di kawasan-kawasan tertentu, Bintulu misalnya, semakin berkurangan walaupun jika kita berdasarkan pada lapuran-lapuran tahunan Jabatan Perikanan Laut, jumlah nelayan-nelayan adalah semakin meningkat (Sila Lihat Lampiran).

Jadual 2:2

Bandingan Bilangan Nelayan di Kampong Jepak

antara tahun-tahun 1971, 1974 dan 1978

| Tahun | Nelayan | | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | Sepenuhmasa | Separuhmasa | |
| 1971 | 53 | 27 | 80 |
| 1974 | 100 | - | 100 |
| 1978 | 86 | - | 86 |

Sumber: Kompilasi dari Lapuran JPL, Sarawak.

Pengkaji telah beranggapan bahawa ini mungkin bersebab dari trend kemajuan dan pembangunan di lain-lain bidang dan sektor perusahaan, terutamanya perusahaan petroliam yang semakin penting dan berkembang di kawasan Bintulu dan memberi peluang pekerjaan alternatif kepada para nelayan.

Kampong Jepak memang asal sebuah perkampungan nelayan. Menurut orang tua-tua di Kampong tersebut, pekerjaan utama penduduk Kampong itu sejak dulu lagi ialah menangkap ikan. Pada ketika itu

teknik penangkapan ikan adalah secara tradisional dengan menggunakan bot-bot kecil dan alat-alatan yang simple saja. Di samping itu, ekonomi mereka adalah untuk sara diri atau "self-sufficient" sahaja. Boleh dikatakan bahawa kesemua penduduk Kampong ini adalah orang-orang yang memang sudah turun-temurun tinggal di sini dari dahulu lagi. Walaupun demikian, terdapat juga beberapa dari penduduk di sini yang merupakan penghijrah atau migran dari lain-lain kawasan ataupun orang luar yang berkahwin dengan penduduk tempatan dan terus menetap di situ.

Mengikut Penghulu Kampong Jepak, terdapat 143 buah rumah di Kampong tersebut. Setiap rumahtangga mengandungi sekurang-kurangnya 4 hingga 6 orang isi-rumah dan ini bermakna ada kira-kira 700 penduduk di Kampong tersebut. Data-data ini hanya merupakan anggaran kerana adanya pendatang-pendatang baru ke Kampong tersebut yang telah tidak berdaftar dengan pihak Penghulu.

Penduduk-penduduk di Kampong Jepak adalah terdiri dari suku kaum Melanau (atau Melano). Tetapi ada juga dua tiga orang Melayu dari Kuching yang datang berkahwin dengan penduduk Kampong tersebut dan terus menetap di sana. Kesemua penduduk di Kampong tersebut beruganna Islam.

Telah dinyatakan terdahulu bahawa pemilihan Kampong Jepak sebagai fokus kajian ialah kerana ianya masih lagi menampakkan ciri-ciri Kampong nelayan yang tradisional jika dibanding dengan lain-lain Kampong di Bintulu yang telah diresapi ciri-ciri perbandaran. Mungkin kerana lokasinya di seberang sungai, maka ianya seolah-olah terpisah dan lambat menerima atau diresapi ciri-ciri perbandaran.

University of Malaya

<u>Pentadbiran Kampong</u>

Kampong Jepak diketuai oleh seorang Penghulu yang bertanggungjawab terus kepada Pegawai Daerah Bintulu. Jawatan Penghulu ini adalah secara lantikan oleh kerajaan dengan sokongan dari penduduk-penduduk Kampong sendiri. Dalam menyelaraskan dan mengendalikan tugas-tugas seharian, Penghulu di bantu oleh sebuah Jawatankuasa Kampong, yang anggota-anggotanya di pilih dari kalangan penduduk-penduduk sendiri. Anggota jawatankuasa tersebut terdiri dari tiga orang ahli saja.[2]

Fungsi Penghulu sekarang ini sudah berkurang, tidak seperti dahulu. Pada masa dahulu, penduduk Kampong membayar lesen, cukai dan sebagainya melalui Penghulu. Tetapi hari ini mereka berhubung terus dengan pejabat-pejabat kerajaan yang berkenaan di bandar Bintulu. Ini menunjukkan bahawa peranan Penghulu ini semakin berkurang. Tetapi walau bagaimanapun, Penghulu itu tetap di beri nilai tinggi dan dihormati sebagai salah seorang kakitangan kerajaan dalam Kampong. Penghulu masih mempunyai peranan untuk menjadi ketua. Penghulu dihubungi terlebih dahulu untuk menyelesaikan masalah-masalah yang kecil yang berbangkit dalam Kampong.

Sistem pentadbiran ini adalah merupakan saluran yang menghubungkan komuniti ini dengan pentadbiran yang lebih atas. Segala

---

(2) Ahli Jawatankuasa Kampong terdiri dari seorang pekedai, seorang nelayan dan seorang pegawai kerajaan. Ahli Jawatankuasa ini berfungsi sebagai "pemaju Kampong".

masalah-masalah, aduan-aduan, rancangan-rancangan Kampong dan sebagainya yang hendak dikemukakan kepada pihak kerajaan, hendaklah dikemukakan melalui Penghulu. Jadi unit Kampong adalah sebahagian daripada unit pentadbiran yang lebih luas.

Susunan struktur pentadbiran negeri Sarawak adalah seperti yang ditunjuk dalam rajah berikut:

Negeri

| | |
|---|---|
| Bahagian | Resident |
| Daerah | Pegawai Daerah |
| Daerah Kecil | Pegawai Pentadbir (SAO) |

Kampong seperti

| | |
|---|---|
| Kampong Melayu | Penghulu |
| Pasar Cina | Kapitan Cina |
| Rumah Panjang | Tuai Rumah |

Selain dari Penghulu sebagai seorang pemimpin komuniti Kampong, terdapat pula golongan orang-orang yang dapat dianggap sebagai pemimpin atau yang mempunyai tokoh kepimpinan dalam komuniti Kampong. Orang-orang ini selalunya menjadi tumpuan anggota komuniti bertanyakan sesuatu untuk mendapat nasihat atau lain-lain bantuan. Jika dalam masyarakat tradisional, golongan ini terdiri dari "kinship leaders, magico-religious leaders dan political leaders",[3] tetapi pemimpin

(3) Syed Husin Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampong di Malaysia (1977), m.s. 159.

University of Malaya

hari ini terdiri terutamanya dari kalangan guru-guru dan juga pekedai-pekedai. Di Kampong Jepak misalnya, guru-guru dihormati dan diberi layanan serta status tinggi oleh komuniti tersebut.

Di dalam komuniti luarbandar, khususnya dalam komuniti Kampong Jepak, ciri-ciri yang dapat menentukan kepimpinan ialah pelajaran, pengetahuan dan amalan keagamaan, telah berumur, kedudukan ekonomi yang tinggi dan pandai bercakap atau memberi ucapan. Sungguhpun begitu, mereka mestilah melibatkan diri dalam soal-soal ekonomi, politik dan sosial dalam Kampong. Orang yang dianggap sebagai pemimpin selalunya menjadi Ketua atau dibawa ke depan apabila sesuatu perundingan mengenai sesuatu perkara dalam Kampong diadakan. Sesuatu yang hendak dilakukan dalam Kampong terlebih dahulu diberitahu kepada orang-orang seperti itu dan mereka ini tidak ketinggalan dihubungi apabila hendak mengadakan sesuatu rancangan, seperti membina surau, membersih kampong dan lain-lain rancangan kemajuan kampong. Golongan ini juga selalunya menjadi tumpuan peranan, misalnya dilantik menjadi pengerusi atau anggota jawatankuasa masjid, jawatankuasa kampong dan seumpamanya.

Sejarah Kampong Jepak

Kampong Jepak mengambil sempena sebuah bukit yang terdapat di pinggiran Kampong itu, iaitu Bukit Jepak. Kampong Jepak mempunyai sejarah yang menarik. Cerita berkenaan dengan sejarah pembukaan Kampong Jepak ini telah pengkaji dapati dari seorang responden. Menurut beliau, cerita tersebut telah diceritakan kepadanya oleh ayahnya. Hikayat bertulis



GAMBAR 2 : BUKIT JEPAK

tentang sejarah Kampong tersebut belum terdapat lagi.

Mengikut cerita beliau, di satu ketika dahulu, di Bukit Jepak tersebut terdapat seekor lipan besar yang dipanggil "Lipan Banyu" dan lipan tersebut telah menghuru-harakan Kampong tersebut dengan membunuh serta memakan orang-orang yang turun ke sungai untuk menangkap ikan. Orang-orang Kampong telah lari ke hulu sungai dan mula-mula membuka sebuah perkampungan dan menetap di sana. Orang-orang Kampong takut untuk pergi ke hilir sungai dan seterusnya ke laut untuk menangkap ikan kerana lipan tersebut dengan pancainderanya yang tajam dengan pantas turun dari bukit tersebut apabila terdengar saja bunyi kayuhan atau bunyi pempasan air. Maka perahu-perahu tersebut diserangnya dengan menenggelamkannya dan seterusnya membunuh manusia-manusia didalamnya. Oleh kerana ramai jiwa yang telah terkorban dan khuatir akan bahaya lipan itu berterusan, orang-orang Kampong bermuafakat untuk membunuh lipan tersebut. Pada satu petang, beberapa orang telah pergi ke hilir sungai dengan membalikkan perahu-perahu mereka. Apabila lipan itu menaiki di-atas belakang perahu-perahu itu, mereka pun dengan segeranya menjunamkan lembing-lembing yang telah dibubuh dengan racun bisa, menembusi perahu tersebut dan terus mengena ke badan lipan itu. Akhirnya, lipan tersebut pun mati dan orang-orang Kampong berebut-rebut mengambil bahagian-bahagian anggota lipan tersebut. Ada yang mengambil kepalanya, ekornya dan sebagainya kerana bahagian-bahagian ini dipercayai mempunyai kuasa luarbiasa dan boleh juga dijadikan ubat untuk sebarang jenis penyakit. Hingga kini, penduduk-penduduk dari Kampong Jepak memang terkenal, malahan terkenal di seluruh Sarawak, tentang ilmu sihir, ilmu ubat-mengubat dan lain-lain ilmu batin.

Dengan terbunuhnya lipan tersebut, barulah orang-orang Kampong mula pergi ke bahagian hilir sungai dan membuka sebuah perkampungan yang baru di sana. Menurut orang tua-tua di Kampong itu, masih lagi terdapat bekas-bekas lipan tersebut di Bukit Jepak. Tapi oleh kerana hakisan yang menyebabkan sebahagian bukit itu telah runtuh, kesan-kesannya telah tidak ternampak lagi pada masakini.

Kemudahan-kemudahan yang Terdapat Di Kampong Jepak

Di Kampong Jepak, kemudahan-kemudahan yang ada termasuklah yang disediakan oleh pihak Kerajaan dan oleh penduduk-penduduk Kampong sendiri.

Dalam pertengahan tahun 1960'an, satu jalan kaki bersimen dibina di kawasan 50 meter dari tebing sungai sebagai salah satu rancangan pembangunan Kerajaan masa itu. Berikutan dengan pembinaan jalan ini, banyak rumah telah dibina di sepanjang jalan tersebut, iaitu sebelah-menyebelahnya.

Di Kampong ini, terdapat juga dua buah surau yang dibina secara bergotong-royong dengan bahan binaannya seperti papan, atap zinc dan lain-lain perbelanjaan dibiayai oleh Kerajaan, dalam bantuan rancangan pembangunannya. Sebuah daripada surau tersebut terletak sekarang ini dalam Kampong Sebuan. Dulunya, surau tersebut juga menampung jemaah-jemaah dari Kampong Jepak. Sekarang ini Kampong Jepak sendiri telah mendapati sebuah surau baru yang dibina pada tahun lepas. Surau sering menjadi tempat orang-orang Kampong, termasuk kanak-kanak, belajar ugama dan bersembahyang jemaah.

GAMBAR 3 : JAMBATAN DAN JALAN KAKI BERSIMEN YANG MENGHUBUNGI KAMPONG JEPAK DENGAN KAMPONG SEBUAN



GAMBAR 4 : PEMANDANGAN DALAM KAMPONG JEPAK



Sebuah sekolah rendah, iaitu Sekolah Rendah Kampong Jepak telah dibina untuk memenuhi keperluan pelajaran kanak-kanak di Kampong ini. Sekolah tersebut mempunyai 12 bilik darjah dan setiap bilik darjah boleh memuatkan antara 40 hingga 45 orang murid. Enam orang tenaga pengajar, termasuk gurubesar dan penjaga (caretaker) bertugas di sekolah itu. Taraf pelajaran di Kampong ini adalah kurang memuaskan. Ini terbukti dengan bilangan yang paling kecil dari sekolah tersebut yang dapat menyambung pelajaran ke sekolah menengah pada tiap-tiap tahun. Penggunaan Bahasa Inggeris di sekolah tetapi bertutur dalam Bahasa Melayu di rumah adalah antara faktor yang menyebabkan masalah penguasaan pelajaran yang serius. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai aliran pengajaran di sekolah-sekolah yang bermula pada tahun 1977 dan penghapusan peperiksaan bersama darjah enam adalah di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah penguasaan pelajaran ini. Masalah inilah yang telah menyebabkan ramai murid-murid tidak menerus belajar hingga ke peringkat yang lebih tinggi dari tingkatan tiga. Hanya sebilangan kecil, iaitu dua orang, dari Kampong tersebut yang berupaya belajar ke peringkat yang lebih tinggi (hingga ke tingkatan enam).

Bekalan air paip belum di bekal kepada penduduk Kampong Jepak. Bekalan air hanya didapati dari perigi-perigi. Ini membawa kepada gangguan terhadap kesihatan kerana airnya adalah tidak "chlorinated". Namun demikian, pada masa pengkaji menjalankan kajian, kerja-kerja menggali, menanam dan memasang paip-paip air untuk membawa bekalan air ke rumah-rumah telah dijalankan.

GAMBAR 5 : BANGUNAN SEKOLAH RENDAH KAMPONG JEPAK



GAMBAR 6 : SURAU KAMPONG JEPAK YANG BARU DIBINA PADA TAHUN 1978



Kampong ini telah dibekalkan dengan letrik sejak tahun 73 lagi. Tetapi tidak semua penduduk Kampong berkemampuan untuk memasang bekalan letrik ke rumah masing-masing. Kebanyakan pengguna-pengguna letrik terdiri dari mereka yang berpendapatan lumayan, seperti nelayan pukat tunda ataupun nelayan yang mempunyai milikan sendiri, pekedai-pekedai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang bekerja dan menetap di Kampong tersebut.

Semua kemudahan-kemudahan ini adalah disediakan oleh pihak Kerajaan dalam rancangannya untuk memajukan kawasan di seberang ini.

Aspek-Aspek Ekonomi Penduduk Kampong Jepak

Aktiviti menangkap ikan adalah salah satu kategori dari aktiviti pertanian. M.G. Swift dalam membahagikan ekonomi pertanian orang-orang Melayu kepada lima jenis telah meletakkan aktiviti menangkap ikan sebagai salah satu daripadanya.[4]

Sungguhpun didalam sesebuah Kampong nelayan itu sebahagian besar daripada penduduknya bergantung kepada aktiviti menangkap ikan, bukanlah bererti semua mereka bekerja sebagai nelayan. Terdapat juga sebilangan kecil daripada mereka yang melakukan pekerjaan-pekerjaan lain.

---

(4) Sila lihat M.G. Swift, "Capital, Saving & Credit in a Malay Peasant Economy" didalam Raymond Firth & B.S. Yamey (ed.), Capital, Saving & Credit in Peasant Societies, Aldine Publishing House, Chicago.

University of Malaya

Kampong Jepak, seperti juga dengan lain-lain Kampong nelayan, mempunyai beberapa ciri-ciri komuniti Kampong di mana terdapat juga pekerjaan-pekerjaan seperti berkebun, iaitu bertanam lada atau padi dan menoreh getah. Maka di Kampong tersebut penghuninya menjalani pelbagai pekerjaan petani dan mengamalkan ekonomi peasant seperti yang disarankan oleh Firth:(5) "The economy of a fishing community, while it shares many of the general characteristics of an agricultural economy, has some special features arising from its specific technical conditions... fishermen as forming part of a peasant economy: with relatively simple, non-mechanical technology; small-scale production units: and a substantial production for subsistence as well as for the market".

Asas ekonomi petani ialah pengerjaan tanah dan dalam menekankan ekonomi pertanian yang bercorak sara-diri, lain-lain pengeluar kecil-kecilan juga tidak ketinggalan digolongkan sebagai petani. Sebagai kumpulan pekerjaan, mereka hanya dapat dipisahkan dari segi tiori sahaja, tetapi pada praktiknya ramai petani yang menjadi nelayan dan melakukan lain-lain pekerjaan bergantung kepada pusingan musim dan keadaan kewangan mereka.

Selain dari pekerjaan utama, iaitu menangkap ikan, penduduk Kampong Jepak juga melakukan pekerjaan lain termasuklah bersawah padi,

---

(5) Firth, Raymond, <u>Malay Fishermen: Their Peasant Economy</u>, Routledge & Kegan Paul Ltd. m.s. 5.

University of Malaya

bercucuk tanam dan berkedai runcit. Walaupun demikian, terdapat juga penghuni Kampong yang terus melibatkan diri dalam beberapa pekerjaan ini secara sepenuhmasa seperti bertanam getah dan lada, bekerja sebagai buruh di kilang papan, di kem-kem balak dan sebagainya. Selain dari itu, terdapat penduduk-penduduk yang melakukan berbagai pekerjaan itu pada masa yang berlainan. Misalnya, nelayan-nelayan yang tidak ke laut pada musim-musim tertentu akan berpeluang mengerjakan sawah mereka ataupun mengambil upah menjadi buruh di kilang-kilang papan. Begitu juga dengan pekerja-pekerja di kilang-kilang papan. Pada hari-hari cuti awam, mereka turut serta ke laut menangkap ikan. Dengan cara ini, dapatlah sedikit-sebanyak mereka menambahkan pendapatan masing-masing.

Bagi kaum wanita pula, menganyam tikar, membuat terendak, membuat "tumpe"[6] merupakan pekerjaan utama.

Kebanyakan penghuni Kampong juga bekerja secara sepenuhmasa sebagai buruh di kilang-kilang papan yang dimiliki oleh syarikat-syarikat Cina.

Di samping itu, ada juga yang bekerja dengan Kerajaan baik sebagai buruh ataupun pegawai-pegawai. Tetapi bilangan mereka ini adalah sangat kecil sekali. Adalah dianggarkan bahawa terdapatnya kurang dari 10 orang yang bekerja dengan Kerajaan.

---

[6] "Tumpe" ialah panggilan orang tempatan bagi biji sago yang halus, yang sudah dimasak. Ianya merupakan bahan makanan utama orang Melanau.

GAMBAR 7 : TERENDAK DAN PERKAKAS-PERKAKAS MEMBUATNYA



GAMBAR 8 : MEMBUAT TUMPE DALAM RUMAH ASAP



Secara keseluruhannya, bolehlah dikatakan bahawa kebanyakan dari penduduk Kampong lebih suka bekerja sendiri dan untuk menambahkan pendapatan, sebilangan dari mereka telah membuka sebahagian daripada rumah mereka untuk dijadikan sebagai kedai runcit. Kedai-kedai ini membekalkan bahan-bahan keperluan seperti beras, gula, susu dan sebagainya kepada lain-lain anggota Kampong tersebut.

Satu pekerjaan lain yang harus diberi perhatian juga ialah pekerjaan menjalankan motor tambang. Oleh kerana Kampong Jepak letaknya di seberang Sungai Bintulu, maka penghubung yang utama antara kawasan bandar dengan Kampong tersebut ialah melalui bot-bot sahaja. Di sini, beberapa orang penghuni Kampong telah mengambil peluang dengan membina beberapa buah bot atau motor tambang untuk mengangkut penumpang-penumpang dari Kampong ke kawasan bandar dan sebaliknya. Keuntungan adalah didapati dari kutipan-kutipan tambang dari penumpang-penumpang. Ini adalah satu pekerjaan yang menguntungkan sebab bilangan yang memerlukan perkhidmatan ini adalah ramai, terutamanya mereka yang berulang-alik dari Kampong ke bandar samada untuk membeli barang-barang keperluan atau bekerja yang mana pejabat-pejabat Kerajaan dan firma swasta terletak di kawasan bandar Bintulu sendiri. Begitu juga halnya dengan budak-budak sekolah yang berulang-alik dari sekolah ke rumah. Sekolah Menengah Kerajaan Bintulu, yang merupakan satu-satunya sekolah menengah adalah terletak kira-kira tiga batu dari bandar Bintulu sendiri. Maka, betapa pentingnya pekerjaan ini dari segi perhubungan, di samping sebagai sumber pendapatan para penguasaha tersebut.

Jadual 2:3

Jenis-Jenis Pekerjaan Responden-Responden

| Pekerjaan | Bilangan | Peratus(%) |
|---|---|---|
| Nelayan Sepenuhmasa/Separuhmasa | 25 | 50 |
| Penoreh Getah | 5 | 10 |
| Pekebun Lada | 3 | 6 |
| Pekerja Tug-boat | 2 | 4 |
| Menjalankan motor tambang | 2 | 4 |
| Pekerja kilang papan/Balak | 6 | 12 |
| Pekedai Runcit | 4 | 8 |
| Kakitangan Kerajaan | 3 | 6 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Jadual 2:3 menunjukkan bahawa hanya separuh atau 25 orang dari responden yang ditemui melibatkan diri dalam perusahaan perikanan secara sepenuhmasa atau separuhmasa. Sementara yang lain terlibat dengan berbagai-bagai jenis pekerjaan, misalnya sebagai buruh di kilang-kilang papan dan lain-lain. Walaubagaimanapun, pada musim-musim tertentu terdapat bertambahnya bilangan para nelayan separuhmasa. Tapi bilangan yang bekerja dengan Kerajaan baik sebagai buruh pun pegawai tetap kecil. Mengikut responden-responden yang ditemui, ramai daripada penduduk Kampong yang dulunya nelayan telah berpindah kerja kepada pekerjaan-pekerjaan alternatif yang lain. Ada yang menjadi buruh di kilang-kilang papan ataupun di kem-kem kayu balak. Perpindahan pekerjaan ini adalah

kerana kekurangan model untuk meneruskan penglibatan dalam bidang perikanan tersebut. Lagi pun, sebagai nelayan pendapatan adalah tidak lumayan dan tidak tetap dan adalah bergantung pada musim. Maka, ramai yang beralih ke pekerjaan alternatif lain yang menjamin pendapatan yang lebih lumayan dan tetap. Perkara ini akan di sentuh selanjutnya dalam bab ketiga.

Jadi, meskipun perusahaan perikanan merupakan asas ekonomi, terdapat juga beberapa kegiatan ekonomi lain di Kampong Jepak yang tidak kurang pentingnya dalam menampung hidup seharian seperti yang telah dinyatakan di bahagian awal lagi. Perusahaan terpenting ialah perusahaan sago, perusahaan membuat terendak dan perusahaan nipah. Bagi kaum wanita di Kampong tersebut, ada yang melibatkan diri dalam kegiatan membuat "tumpe", kueh dan terendak. Lain-lain pekerjaan yang terdapat termasuklah pekerjaan pertukangan seperti membuat bot dan rumah, berkedai runcit dan bekerja dengan lain-lain perusahaan cina seperti sebagai pekerja "Tugboat" dalam perusahaan kayu-balak.

Perusahaan sago adalah merupakan perusahaan tradisional yang masih melibatkan sebahagian besar daripada penduduk di Kampong Jepak, khususnya kaum wanita. Salah satu daripada sebabnya ialah kerana sago adalah salah satu daripada makanan utama (staple food) orang Melanau. Namun demikian, pekerjaan ini adalah dilakukan secara sampingan semata-mata. Setiap rumahtangga menyimpan sago sebagai bahan makanan. Kepentingan perusahaan ini bertambah sejak didirikan sebuah kilang yang menukarkan corak pemerosesan dari kaedah lama ke kaedah yang lebih menggunakan injin. Sago atau "Mulong" dikerjakan untuk menghasilkan

"lemantak" yang dikeringkan menjadi tepong. Kaedah lama kerja ini melibatkan kerja dengan tangan dan kaki tanpa bantuan injin seperti terdapat di kalangan orang Melanau di Oya dan Mukah di Bahagian Ketiga, Sarawak. Kilang sago yang ada itu adalah kepunyaan orang Cina yang juga bertindak sebagai tawkeh, dan memasarkan tepong ke luar negeri. Harga dan pemasaran tepong adalah dikawal oleh tawkeh ini, melahirkan apa yang disebut kawalan monopoli-monopsoni terhadap harga dan pemasaran.

Pada asasnya, proses di dalam perusahaan sago ini melibatkan peringkat-peringkat menebang pokok mulong, menggulingnya ke sungai dan kemudiannya mengheret ke kilang sago melalui jalan air untuk di proses. Lumpong-lumpong mulong dikupas dan dibelah supaya senang dan mudah dihancurkan oleh injin. Debu-debu atau habok mulong yang kaya dengan lemantak ini dipijak bersama air dalam satu takungan khas. Sekarang ini tempat memijak diganti oleh satu sistem yang melibatkan "water jets". Pekerjaan ini, walaubagaimanapun, tidak memberi banyak hasil. Hasil yang biasa didapati sekali "minggak"(7) ialah $60 hingga $100. Kemudiannya, barulah dijadikan dalam bentuk biji-biji sago ataupun dipanggil juga sebagai "sago halus". Di Bintulu, ianya dipanggil "tumpe" dan kerja memasaknya dibuat dalam sebuah rumah asap kecil. Dari sini ianya mungkin dijual secara kati, iaitu 20 sen hingga 30 sen sekati. Tetapi sebahagian besarnya adalah untuk kegunaan sendiri sebagai bahan makanan.

---

(7) Satu "minggak" bermakna satu pusingan kerja, dari menebang pokok mulong hinggalah memprosesnya kepada lemantak.

Perusahaan membuat terendak pula melibatkan kaum wanita sahaja dan bilangannya tidaklah begitu ramai. Lagipun perusahaan ini hanyalah secara sambilan di mana mereka membuatkan terendak ini hanya pada masa-masa lapang. Ianya boleh dikatakan sebagai pekerjaan untuk mengisikan masa lapang mereka semata-mata, di samping dapat juga hasil yang cukup setakat membeli keperluan harian. Di sini, mereka dapatlah membantu suami mereka dalam menambahkan pendapatan.

Bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat terendak ialah "daun biru", buloh, rotan dan lain-lain perkakas kecil seperti benang dan jarum-guna untuk menjahitnya (Sila Lihat Gambar).

Daun biru (panggilan orang tempatan) dikeringkan dan begitu juga buloh dikeringkan dan diambil kulitnya. Daun tadi yang telah dikeringkan, digolongkan di dalam bentuk topi terendak dan dijahit dengan benang ataupun "disematkan". Kulit buloh tadi dicat dengan berbagai-bagai warna mengikut warna yang disukai dan kemudiannya dilekat pada bahagian luar topi tersebut. Buloh-buloh yang berwarna ini disusun dengan begitu rupa supaya membentuk ukiran-ukiran tertentu. Di sini, akan ditambahkan lagi dengan lain-lain ukiran untuk mencantikkan topi tersebut. Rotan pula digunakan untuk menahan topi itu dari terbuka kembali. Proses membuat terendak ini mengambil masa yang lama dan kadang-kadang memerlukan perhatian yang teliti dan juga pertukangan yang halus.

Ada terendak-terendak yang dihasilkan itu bersaiz besar dan ada pula yang bersaiz kecil. Selalunya terendak tersebut adalah untuk

perhiasan rumah sahaja. Harganya ialah antara 50 sen hingga $1.50. Dalam sehari kadang-kadang mereka boleh menghasilkan 2 hingga 3 topi. Tapi ini bergantung juga pada pekerjaan dan masa lapang yang ada. Kadang-kadang dalam seminggu, mereka hanya boleh menghasil 4 atau 5 topi sahaja. Topi atau terendak yang telah siap itu akan dihantar ke kedai-kedai di bandar untuk dipasarkan dan harga yang ditawarkan oleh pekedai-pekedai ialah seperti yang telah dinyatakan tadi. Tapi apabila dijual di kedai, harganya naik berganda. Di sini boleh dikatakan bahawa terdapatnya unsur pemerahan tenaga oleh pekedai-pekedai kerana harga yang ditawar kepada pengeluar adalah lebih rendah sedangkan masa dan pertukangan yang telah dicurahkannya adalah lebih dari itu. Namun demikian, mereka tetap menjual kepada pekedai-pekedai untuk pemasaran hasil tersebut. Pendapatan yang mereka perolehi ialah antara $20 hingga $40 sebulan. Ini bergantung kepada berapa banyak terendak yang dihasilkan. Walaubagaimanapun, ianya adalah sekadar untuk menambahkan pendapatan.

Satu lagi perusahaan lain ialah perusahaan nipah yang juga merupakan perusahaan tradisional. Hasil-hasil nipah adalah banyak. Ia boleh menghasilkan kajang, atap dan umbut. Pembuatan kajang dari daun kajang merupakan satu pekerjaan khas untuk suri-suri rumah sambil mengisikan masa lapang mereka. Pekerjaannya melibatkan menucok kajang, menucok atap dan membuat tikar. Sekarang ini, bilangan penduduk yang terlibat adalah kurang sekali. Hasilnya adalah cukup setakat membeli keperluan seharian seperti ikan bilis, belacan dan sebagainya.

Kajang dibuat dengan melipat diurat tengah satu siri daun kajang yang telah dikeringkan, iaitu kira-kira 175 sentimeter panjang dan menjahit daun-daun ini dengan menggunakan rotan sehingga 4 kaki lebarnya. Kajang yang dihasilkan dijual antara 50 sen hingga $1.00 sebidang. Ini adalah bagi jenis yang nipis dan biasanya 6 bidang dapat diusahakan sehari. Bagi jenis yang lebih tebal pula, harganya ialah antara 80 sen hingga $1.50 sebidang dan pembuatannya memakan masa satu atau dua hari untuk sebidang.

Menganyam atap atau tikar tidak kurang pentingnya meskipun sekarang ini perusahaan tersebut kian merosot. Ini adalah kerana ramai penduduk yang bertukar menggunakan atap zinc, asbestos dan belian untuk binaan bumbong rumah mereka. Jadi permintaannya bertambah kurang dan mengakibatkan semakin kurang bilangan mereka yang terlibat dalam pekerjaan tersebut.

Kegiatan pertanian yang terdapat di Kampong Jepak melibatkan penanaman getah dan lada. Penanaman getah ini melibatkan kira-kira empat puluh orang dari penduduk Kampong tersebut.

Kawasan penanaman getah ini adalah seluas 150 ekar dan setiap seorang peserta diberi 3 ekar untuk diusahakan. Ia sebenarnya adalah di bawah skim rancangan kerajaan[8] dan kerajaan juga telah memberi

---

(8) Jangkawaktu 1960 hingga 1965 memperlihatkan pembangunan luarbandar yang berancang di Sarawak. Dalam tahun 1956 dilancarkan Skim Penanaman Getah dan dalam Rancangan Pembangunan Sarawak 1964-68, Skim Pembangunan Tanah juga diadakan. (Sumber - Lapuran Jabatan Tanah & Ukur Sarawak 1960-65).

berbagai bentuk subsidi seperti baja, benih dan sebagainya untuk memajukan skim tersebut. Walaubagaimanapun, hasil pengeluaran getah tersebut adalah tidak menggalakkan. Hasilnya dijadikan dalam bentuk keping sebelum dapat dijual di pekan. Tapi, keping-keping getah yang dihasilkan adalah terdiri dari gred atau mutu yang rendah. Ini adalah mungkin disebabkan oleh kurangnya alat perkakas dan latihan serta tunjukajar teknik baru oleh pihak Jabatan Pertanian. Oleh itu adalah dianggapkan perusahaan getah ini tidak maju di Kampong Jepak. Di kalangan mereka yang masih lagi bergiat dalam pekerjaan tersebut, pendapatan yang mereka perolehi ialah di antara $100 - $150 sebulan dan ini pun bergantung juga pada keadaan cuaca di mana pada musim hujan, kerja menoreh adalah terhad. Menurut seorang responden, bilangan mereka yang bergiat sepenuhnya dalam pekerjaan menoreh getah adalah semakin berkurangan. Sebabnya ialah ramai daripada mereka telah berpindah kerja, iaitu sebagai kuli atau buruh di kilang-kilang papan ataupun sebagai buruh dalam perusahaan kayu balak, terutamanya di kawasan Sebauh.[9] Lagipun, kebanyakan daripada kebun-kebun getah itu telah ditukar dengan penanaman lada jenis hitam. Untuk mendapat wang segera, ada juga di antara petani tadi yang telah menjualkan bidang-bidang tanah mereka.

Di antara petani-petani getah tadi, ramai dari mereka yang telah bertukar tanaman kepada penanaman lada. Menurut seorang responden, bahawa jika dibanding dengan getah, apabila pokoknya tua, susu yang dihasilkan adalah sedikit tetapi bagi lada, hasilnya semakin bertambah.

---

(9) Sebauh adalah sebuah pekan pendalaman di mana kerja membalak banyak dilakukan.

Menurut beliau lagi, bertanam lada memerlukan penjagaan yang kurang, masa yang kurang serta juga tenaga yang dicurahkan adalah kurang jika dibanding dengan penanaman getah. Tambahan pula, harga lada di pasaran sungguh menggalakkan. Tapi, sebenarnya penanaman lada adalah lebih sulit dan memerlukan penumpuan masa yang lebih, terutamanya diperingkat awal.

Seperti juga pekebun-pekebun kecil getah, bilangan mereka yang masih melibatkan diri di dalam perusahaan tanaman lada semakin berkurang. Sekarang ini hanya terdapat 20 orang petani yang menanam lada sebagai pekerjaan utama. Pada puratanya setiap seorang petani dapat menghasilkan antara 2 hingga 3 guni lada sebulan dan pendapatan mereka adalah bergantung pada turun-naik harga lada di pasaran. Di samping itu, ada di antara petani-petani yang menjalankan penanaman lada dan getah secara serentak di kawasan yang sama.

Membalak juga merupakan sumber penting pendapatan dan penghidupan setengah penduduk di Kampong Jepak. Mereka sering menjadi kuli atau buruh di kem-kem pembalakan (logging camps) dan kegiatan pembalakan banyak dilakukan di kawasan Sebauh dan kawasan pendalaman. Bentuk-bentuk pekerjaan yang disediakan oleh perusahaan kayu balak adalah kerja menebang kayu di hutan, mengheret kayu keluar dari hutan (selalunya dengan penggunaan rail), memproses papan dan mengikat batang balak (log) di sungai. Kebanyakan daripada kerja pembalakan ini dikendalikan oleh syarikat-syarikat persendirian. Syarikat yang telah menarik ramai penduduk kampong sebagai pekerja ialah Labang Logging Company.

Selain daripada kerja yang telah disebutkan tadi, ada juga di antara mereka yang bekerja sebagai jeragan "tugboat". Kerja mereka ialah menarik tongkang-tongkang yang telah diisi dengan batang balak (log) ke kapal-kapal di laut yang akan mengekspotkan log-log tersebut ke luar negeri. Ada juga yang bekerja sebagai "slingman" dengan syarikat balak tersebut.

Syarikat balak tersebut menawarkan pendapatan bulanan yang besar dan lebih tetap dan ini merupakan salah satu sebab yang telah menarik ramai penduduk untuk menjadi buruh dalam perusahaan tersebut. Namun demikian, pendapatan pekerja-pekerja dalam perusahaan tersebut adalah di antara $300 hingga $500 sebulan, bergantung kepada harga batang dan banyak "loading" yang dibuat.

Terdapat dua buah kilang papan di Kampong Jepak, yang telah menarik ramai buruh dari Kampong tersebut. Kilang papan atau sawmill ini adalah kepunyaan syarikat persendirian Cina. Bentuk pekerjaan yang terdapat ialah seperti memotong papan, meracun papan, menyusun papan dan "loading" papan ke dalam tongkang-tongkang untuk diekspot. Di sini gaji yang ditawarkan juga stabil dan pekerja-pekerja dibayar gaji hari, iaitu kira-kira $8 sehari. Namun demikian, mereka akan menerima gaji penuh pada tiap-tiap hujung bulan dengan menjumlahkan hari yang mereka bekerja. Pekerja-pekerja kilang papan ini juga mendapat kemudahan sampingan seperti boleh membeli papan-papan untuk pembinaan rumah dengan harga yang murah. Lagipun, mereka dibenarkan berhutang kayu-papan dan harganya akan dipotong dari gaji mereka. Oleh kerana kemudahan ini,

University of Malaya

GAMBAR 9 : KEDAI RUNCIT YANG TERDAPAT BANYAK DI TEPI JALAN KAKI



GAMBAR 10 : SEBUAH MOTOR TAMBANG YANG MENGANGKUT PARA PENUMPANG DARI KAMPONG KE BANDAR DAN SEBALIKNYA



nelayan-nelayan yang menyalurkan ikan-ikan mereka kepada pekedai-pekedai ini. Di sini pekedai tersebut bertindak sebagai orang-tengah dalam pemasaran hasil pengeluaran.

Pekerjaan berkedai ini adalah secara "family-basis" ataupun dikendalikan oleh sesuatu keluarga. Pekedai-pekedai ini bermula dengan modal yang sedikit di mana menurut seorang responden, beliau telah bermula dengan modal sebanyak $200 dan kini telah mempunyai dua buah kedai, satu di Kampong Jepak sendiri dan sebuah lagi di bandar Bintulu. Beliau telah bermula dengan menjual barang-barang tempatan seperti belacan, pisang, sayur-sayuran dan kini telah bertukar kepada barang-barang runcit yang lain. Ada juga di antara nelayan yang telah membuka kedia runcit kecil dan isteri mereka membantu menjaganya. Di sini dapat-lah sedikit-sebanyak menambahkan pendapatan mereka. Golongan pekedai yang sudah "established" merupakan golongan yang lebih baik keadaan kehidupan mereka jika dibanding dengan mereka yang bergantung kepada perikanan atau pertanian. Namun demikian, tidak dinafikan juga bahawa ada di antara nelayan, terutamanya mereka yang mempunyai milikan sendiri, menikmati kehidupan yang lebih baik.

Di samping itu, terdapat juga pekedai runcit yang menjalankan kegiatan motor-tambang. Oleh kerana Kampong Jepak terletak di seberang Sungai Bintulu, mode komunikasi untuk berulang-alik dari Kampong ke bandar ialah hanya secara perahu dan di sini bot-bot tambang dipentingkan. Ramai penduduk Kampong telah mengambil kesempatan ini untuk mencari nafkah ataupun untuk menjalankan kegiatan sampingan serta menambahkan pendapatan. Sewaan yang dikenakan ialah antara 20 sen

hingga 50 sen bergantung kepada tempat persinggahan para penumpang. Namun, bot-bot tersebut tidak pernah kurang dengan penumpang terutamanya kanak-kanak sekolah dan pekerja-pekerja kerajaan yang mana pejabat-pejabat adalah terletak di bandar Bintulu sendiri. Keuntungan atau pendapatan yang diperolehi ialah antara $15 hingga $20 sehari tetapi perlu diambil kira kos minyak dan kos "maintenance"nya. Pekerjaan ini juga merupakan "family-basis", iaitu kadang-kadang dijalankan oleh anak-cucu si pemilik bot.

Seperti yang telah dinyatakan pada bahagian awal lagi, terdapat sebilangan kecil saja dari penduduk Kampong Jepak yang bekerja dengan pihak Kerajaan samada sebagai pegawai ataupun sebagai buruh di Jabatan-Jabatan Kerajaan. Terdapat seorang pegawai polis, seorang kerani di Jabatan Kesihatan, dua orang guru sekolah dan tiga orang buruh di Jabatan Kerja Raya. Golongan ini, oleh kerana pendapatan mereka yang tetap pada tiap-tiap bulan merupakan golongan yang kukuh dari segi kedudukan ekonomi dan sosial mereka. Kurangnya penglibatan penduduk Kampong dalam lapangan pekerjaan dengan Kerajaan ialah mungkin kerana tingkat pelajaran mereka yang rendah. Ini mungkin telah banyak mendorongkan mereka berpindah ke pekerjaan alternatif yang lain seperti berkuli di kem-kem balak. Pendapatan yang diperolehi oleh pegawai-pegawai tadi ialah antara $200 hingga $350 dan ada di antara mereka yang juga mempunyai bot-bot pukat yang disewakan kepada lain-lain nelayan untuk dijalankan.

University of Malaya

Maka apa yang dapat disimpulkan dalam bab ini ialah bahawa sungguhpun pekerjaan nelayan merupakan pekerjaan yang dominant di Kampong Jepak, namun terdapat juga lain-lain pekerjaan yang dilakukan oleh lain-lain anggota. Walaupun demikian, terdapat juga orang yang sama melakukan pekerjaan yang berbagai itu pada masa yang berlainan. Fokus terhadap kaum nelayan sendiri akan pengkaji sentuhkan dalam bab seterusnya.

University of Malaya

# BAB 3

# PERIKANAN DI KAMPONG JEPAK

## Organisasi Ekonomi Perikanan

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam bahagian awal, perikanan merupakan sebahagian daripada ekonomi pertanian. Sungguhpun sebahagian besar dari penduduk sesebuah kampong nelayan itu bergantung kepada aktiviti menangkap ikan, bukanlah pula bererti tidak ada pekerjaan lain yang dilakukan oleh lain-lain anggota. Terdapat juga sebilangan kecil daripada mereka yang melakukan pekerjaan-pekerjaan seperti menjadi tukang bot, peniaga runcit, penoreh getah, penanam lada dan sebagainya. Ada juga di antara penduduk Kampong yang bekerja dengan Kerajaan, baik sebagai pegawai atau buruh biasa, dan dengan pihak swasta, umpamanya di kilang-kilang papan, firma dan sebagainya.

Di Kampong Jepak, perikanan merupakan aktiviti yang penting. Bilangan penduduk Kampong yang terlibat di dalam perusahaan ini ialah 86 orang. Berbanding dengan lain-lain pekerjaan, ianya merupakan pekerjaan utama yang dijalankan oleh penduduk Kampong. Maka tumpuan di dalam bab ini adalah ke atas para nelayan di Kampong tersebut.

Secara mudah, masyarakat nelayan dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu, mereka yang mempunyai modal dan mereka yang tidak mempunyai modal. Orang-orang yang memiliki modal ini hanya sedikit sahaja bilangannya. Mereka ini memiliki wang serta alat-alat tangkapan

University of Malaya

seperti bot, pukat dan lain-lain. Mereka inilah yang menyediakan segala alat-alat tangkapan untuk menampung keperluan nelayan-nelayan lain yang tidak mempunyai modal. Golongan ini selalunya duduk di bandar dan kebanyakannya terdiri dari kaum Cina. Namun demikian, ada juga di antara mereka terdiri dari Orang Melayu dan mereka ini berjaya memperolehi modal kerana mereka memiliki banyak harta yang diwarisi dari ibubapa mereka. Dengan harta ini mereka dapat membeli alat-alat tangkapan yang baru. Ada juga di antara responden-responden yang mengatakan bahawa modal dikumpulkan melalui simpanan.

Bagi golongan yang tidak bermodal pula, mereka tidak mewarisi apa-apa. Pendapatan mereka sehari-hari adalah terlalu kecil untuk membolehkan mereka menyimpan wang untuk dikumpulkan dan dijadikan modal. "....The margin for saving is then too small and restricted, and when subject to extra-ordinary expenditure, like expenditure on marriage, funeral and other unforeseen contigencies, it is hardly sufficient to meet the needs of the situation. Many have to resort to financial borrowing, which once entered into, has caused, to a great majority, a vicious spiral of rising credit indebtedness".[1] Peluang mereka untuk memiliki alat-alat tangkapan sendiri adalah tipis sekali. Keadaan ekonomi mereka adalah setakat cukup

---

[1] H.M. Dahlan, "Micro Analysis of Village Communities in Peninsular Malaysia: A Study of Underdevelopment", didalam H.M. Dahlan, The Nascent Malaysian Society, developments, trends and problems, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Sila lihat juga Firth & Yamey, Capital, Saving & Credit in Peasant Societies, Aldine Publishing Co. m.s. 21.

hidup sahaja. Mereka akan terus-menerus bergantung harapan kepada pemodal-pemodal tadi sebagai sumber bagi alat-alat menangkap ikan.

Kampong nelayan biasanya mempunyai hubungan ekonomi dengan tempat-tempat lain, terutama sekali dengan pusat-pusat bandar. Firth dan Fraser menekankan bahawa[2] "....relations with urban centers are supplementary to, rather than in opposition to, their social sector". Ini ialah kerana mereka saling bergantungan antara satu sama lain. Masyarakat nelayan bergantung kepada pusat-pusat bandar yang berhampiran untuk membekalkan mereka dengan barang-barang keperluan yang dikeluarkan di bandar-bandar tersebut. Orang-orang di bandar pula menganggap kampong-kampong nelayan sebagai sumber bekalan ikan untuk keperluan mereka sehari-hari.

Di dalam proses pertukaran barang-barang tadi akan terjelmalah suatu hubungan persemukaan di antara anggota-anggota masyarakat nelayan dengan anggota-anggota masyarakat bandar. Nelayan-nelayan akan membawa hasil tangkapan mereka ke bandar untuk dijual dan dengan wang yang diperolehi itu akan membeli barang-barang keperluan untuk dibawa pulang ke rumah. Di dalam proses jual-beli inilah wujudnya hubungan di antara anggota-anggota kedua-dua masyarakat yang berlainan tempat kediaman itu. Di sini menunjukkan bahawa masyarakat nelayan bukanlah suatu masyarakat yang terpisah daripada masyarakat luar. Ia adalah merupakan sebahagian daripada masyarakat yang lebih besar dan komplex. Mereka

---

(2) H.M. Dahlan - ibid - m.s. 105.

University of Malaya

terpaksa hidup bergantungan antara satu sama lain untuk memenuhi keperluan serta untuk perlanjutan masyarakat masing-masing. Di sini jelas kelihatan bahawa perhubungan yang paling penting sekali di antara masyarakat nelayan dengan masyarakat bandar ialah perhubungan dalam bentuk ekonomi. Analisa Firth (1966) ada menyatakan terdapatnya jurang yang luas antara satu kumpulan kelas taukeh baru dan nelayan biasa yang tiada milikan. "....The taukeh class consisted of two groups namely, a fisherman-cum-capitalist group and a financier-capitalist group, and has emerged as "economic aristocrat of the fishing community".[3] Di samping itu, selaras dengan perhubungan ini, akan terjelma perhubungan yang dipanggil "peniaga-pelanggan" atau "taukeh-pelanggan". Hubungan ini juga mengambil bentuk hubungan "penaung-pelanggan" di mana peniaga atau taukeh-taukeh juga merupakan penaung kepada beberapa nelayan tertentu. "....The bertaukeh system is discernible in the social as well as economic relationships woven between the taukeh ikan and the fishermen in general. The system serves as the institutional foundation for the local economy and is best viewed as an indigenous version of the patron-client relationship".[4] Hubungan ini akan berterusan dikekalkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. "....The reciprocity between the participants of the bertaukeh system seems to be unending

---

(3) Firth Rosemary, Housekeeping among Malay Peasants, Athlone Press, 1966.

(4) Sharifah Zaleha Hassan, "Institution Vs Technology in the Fishing Industry: A Case Study" dalam Kajian Ekonomi Malaysia Vol.XIII No. 1 & 2 Jun/Dec 1976. m.s. 30.
Lihat juga Potter J.M., Diaz M.N., dan Foster G.M. (eds.) Peasant Society, A Reader, Little Brown & Co., Boston 1967.

because the patron has also succeeded in fostering a sense of loyalty among his clients....loyalty towards the taukeh as borne in the concept terhutang budi is inter-generational because the offsprings of the indebted fishermen are expected to remember and repay the taukeh in whatever way possible".[5]

Hubungan sebeginilah yang mengekalkan taraf kehidupan anggota masyarakat tani secara keseluruhannya ketakok yang lama, meskipun usaha-usaha Kerajaan dilaksanakan untuk membenteras hubungan tersebut. Walaupun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa ada kalanya hubungan tersebut membawa faedah kepada anggota masyarakat tani, atau dalam kes ini para nelayan, tapi yang hendak ditekankan ialah sifat eksploitatifnya. Dalam membicarakan kes nelayan Kempong Jepak, kita akan lihat kelak bagaimana hubungan taukeh-pelanggan ini menggagalkan usaha kerajaan untuk meninggikan taraf kehidupan para nelayan. "Studies carried out on the various aspects of fishing industry in this country seldom fail to indicate that exploitation is rampant in most fishing villages. The fish dealer who is also the local middleman is known to have manipulated the business transactions he carries out with the fishermen to his own advantage to such an extent that the latter are drawn into the vicious cycle of indebtedness and poverty".[6]

---

[5] Sharifah Zaleha Hassan - op.cit - m.s. 32.

[6] - ibid - m.s. 27.

Teknik-Teknik Penangkapan Ikan

Di sini akan diberi gambaran secara kronologis mengenai perubahan dan perkembangan kaedah-kaedah menangkap ikan dari yang lama hingga ke yang baru, iaitu kaedah penangkapan secara pukat tunda. Yang tertua sekali ialah kaedah-kaedah di mana pembinaannya memerlukan hanya bahan-bahan yang biasa, senang dan mudah diperolehi di kawasan kayuan Kampong. Oleh itu alat-alat tangkapan yang diperbuat dari bambu (buloh), rotan dan kayu sahajalah yang mula-mula digunakan. Ini termasuklah semua jenis "fishing stakes" seperti penggereh, kelong, jermal, belat, jungkat, inggian, bubu dan pento. Semua kaedah-kaedah ini kecuali bubu dan pento, kurang ataupun tiada lagi digunakan.

Perubahan dalam kaedah penangkapan seterusnya tidaklah begitu drastik. Tapi, yang jelas ialah "net" tiada lagi diperbuat dari rotan bahkan mula diganti oleh benang. Oleh itu, kaedah-kaedah menangkap ikan cara jala, sadak, seledok, panau empang, sirin dan pelekat mula dipergunakan dengan luas. Semua alat-alat ini boleh dibina atau dibuat sendiri. Sekarangpun, kaedah-kaedah ini masih digunakan, walaupun tidak semeluas yang terdapat sepuluh tahun yang lalu. (Sumber: Lapuran Jabatan Perikanan Laut, Sarawak).

Dari net kecil ini, ujudlah pula net yang lebih besar seperti Ranto (atau Rantau) yang masih dipergunakan dengan meluas sekarang ini. Seiring dengan kaedah penangkapan cara ini ialah penggunaan Tangsi. Ianya juga berbentuk net, hanya benangnya saja berlainan. Lagipun,

perbezaan antara kedua-dua Ranto dan Tangsi ialah pada masa penggunaan-nya.

Nelayan-nelayan yang menjalankan pukat ranto biasanya pergi ke laut pada pukul lima petang dan kembali ke darat kira-kira pukul tujuh atau lapan pagi. Nelayan-nelayan yang menjalankan pukat tangsi pula, pergi ke laut pada pukul dua atau tiga pagi dan kembali pada pukul tujuh atau lapan pagi. Pukat ranto adalah jenis pukat yang timbul dan oleh itu menangkap ikan yang terdapat tiga atau empat kaki di bawah permukaan air. Pukat tangsi pula ialah jenis yang tenggelam dan kerana itu ikan-ikan yang didapati ialah dari kawasan yang lebih dalam. Kedua-dua kaedah ini merupakan cara yang lebih menguntungkan, di samping tidak memerlu modal yang besar.

Bila perusahaan perikanan kaedah lama ini mula menampakkan hasil yang kurang, kaedah pukat tunda muncul pada awal tahun 1970. Bagi nelayan-nelayan di Kampong Jepak, kaedah pukat tunda ini masih merupakan satu kaedah yang baru dan sebab itu bilangan nelayan yang menjalankan cara penangkapan dengan cara tersebut adalah kecil sahaja. Di samping itu, kaedah tersebut memerlukan modal yang banyak dan nelayan-nelayan masih belum mampu bertukar kepada cara penangkapan yang baru ini, meski-pun telah ditunjukkan oleh beberapa orang yang telah menjalankannya bahawa teknik baru ini membolehkan hasil pendaratan yang banyak jika dibandingkan dengan lain-lain cara tadi. Walaubagaimanapun, sekarang

ini terdapat beberapa orang nelayan yang menjalankan "mini-trawling".[7] Di kawasan Bintulu, kebanyakan mereka yang menjalankan cara penangkapan pukat tunda adalah nelayan-nelayan Cina.

Banyak yang boleh kita simpulkan dari perkembangan kaedah-kaedah penangkapan ini. Yang nyata ialah faktor modal boleh dianggap sebagai faktor yang menentukan jenis indastri perikanan. Kita perhatikan di peringkat awal hanya alat-alat yang tidak memerlu modal sahaja yang muncul. Kemudian sedikit modal membolehkan binaan net diperlukan — dari situlah lahirnya berbagai-bagai jenis alat yang diperbuat dari benang, terutamanya pukat ranto dan tangsi. Modal yang lebih banyak mengujudkan penggunaan ranto sehinggalah sampai kepenggunaan yang paling mahal seperti pukat tunda. Seterusnya kelak, modal jugalah yang akan menentukan bentuk modifikasi kepada bot-bot yang digunakan. Selain dari faktor modal, perlu dinyatakan tentang ujudnya saling-bertindih (atau overlap) di antara kaedah lama dan kaedah baru dalam perindustrian perikanan ataupun boleh dikatakan ujudnya banyak kaedah dalam satu lapis perkembangan.

Di bawah ini akan diperturunkan pendapatan yang diperolehi oleh nelayan-nelayan dengan menjalankan berbagai kaedah masing-masing. Dalam kes nelayan di Kampong Jepak, pengkaji mendapati bahawa kaedah-

---

[7] Sila lihat Goh Cheng Teik, "The Fishing Conflict in Penang and Perak - personal memoir" dalam Kajian Ekonomi Malaysia Vol.XIII No.1 & 2 Jun/Dec 1976 m.s. 17.

kaedah yang masih digunakan dengan meluas ialah pukat tangsi, ranto, panau, anchau dan pukat tunda yang merupakan teknik baru diperkenalkan.

Jadual 3:1

Pendapatan Nelayan dengan Kaedah Masing-Masing

| Jenis/Kaedah | Pendapatan Sebulan |
|---|---|
| Tangsi | \$200 - \$ 300 |
| Ranto | \$400 - \$1,000 |
| Panau | \$400 - \$ 600 |
| Anchau | \$400 - \$ 600 |
| Tunda | \$400 - \$1,000 |

Sumber: Kompilasi dari Lapuran Jabatan Perikanan Laut, Sarawak.

Pendapatan-pendapatan ini adalah merupakan anggaran kumpulan pendapatan bulanan bagi tiap-tiap kaedah masing-masing. Dari jadual tersebut, kaedah pukat ranto dan pukat tunda nampaknya memberi pendapatan yang lebih banyak dan yang boleh dikatakan lumayan. Namun demikian, jumlah pendapatan adalah bergantung kepada musim dan dalam musim yang baik, pendapatan mereka bertambah hingga kadang-kadang mencapai ke \$400 sebulan. Bulan-bulan yang banyak memberi hasil adalah bulan April hingga bulan Oktober. Oleh itu, pada bulan-bulan inilah pengeluaran ikan juga bertambah. Dalam satu tinjauan oleh pengkaji pada bulan Mei yang lalu, nelayan-nelayan telah mendaratkan sebanyak 2 pikul seorang (secara

puratanya). Pada sepanjang bulan November hingga bulan Mac, operasi menangkap ikan di laut adalah dihalangi oleh keadaan laut yang berombak besar.

Geraf 3:1 membuktikan bahawa tangkapan tahunan masih menunjuk perkembangan dari tahun ke tahun seiring dengan bilangan bot yang juga bertambah bilangannya. Selain dari itu terdapatnya pengenalan lebih banyak bot bermotor, bot-bot yang lebih besar dan lebih berkuasa dengan kapasiti perikanan yang lebih besar. Geraf tersebut juga menunjukkan bahawa perusahaan perikanan akan berkemampuan meninggikan penghasilannya dan membekalkan bahan protin. Dari segi penggunaan (utilization) seperti yang telah diperkatakan, perairan Sarawak masih kaya dengan sumber ikannya dan keadaan "Overfishing" dijangka akan berlaku hanya jika perusahaan ini tidak terkawal.

Pendapatan para nelayan adalah berbeza dari individu ke individu mengikut saiz injin dan bot yang digunakan, taraf kebolehan dan pengalaman dalam bidang ini serta pengetahuan teknoloji perikanan keseluruhannya. Walaubagaimanapun, pendapatan mereka hanya memberi satu gambaran am mengenai kedudukan ekonomi mereka. Pendapatan bulanan para nelayan di Kampong Jepak (secara anggaran) adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 3:1. Walaupun pendapatan mereka menunjukkan jumlah yang besar jika dibandingkan dengan nelayan di Semenanjung Malaysia, sebenarnya ianya adalah "superficial" semata-mata. Ini adalah kerana perlu dipertimbangkan tentang kos kehidupan (atau cost of living) di Sarawak secara amnya dan di Bintulu khasnya. Ia adalah semakin menaik. Pendapatan yang perlu dilihat ialah pendapatan sebenar. Jadi keadaan

**Geraf 3:1 Bilangan bot mengikut kuasa kuda dan hasil tangkapan tahun 1972-1976.**




**SUMBER: Lapuran Tahunan JPL, Sarawak.**

sebenarnya ialah bahawa nelayan ini masih lagi tergolong dalam kelas bawahan meskipun terdapat beberapa orang di kalangan mereka yang berjaya mencapai pendapatan sehingga $1,000 sebulan. Ini adalah benar bagi mereka yang menjalankan pukat ranto dan pukat tunda. Selain dari itu, pendapatan mereka juga ditentukan oleh bot-bot yang mereka jalankan, di mana, jika bot-bot tersebut adalah milikan sendiri, pendapatan yang diperolehi adalah lebih kalau dibanding dengan mereka yang menjalankan bot sewa.

Perbelanjaan mereka[(8)] meliputi belanja untuk jaga pukat, belanja jaga bot, belanja jaga injin, belanja petrol, belanja ais (air batu), membayar gaji pekerja, belanja dapur serta lain-lain keperluan rumah dan lain-lain perbelanjaan yang dikhaskan untuk hiburan dan sebagainya, tidak termasuk harga injin dan bot. Pengkaji mendapati bahawa jumlah yang dibelanjakan (anggaran) adalah di antara $300 - $400 sebulan. Tapi ini tidaklah berlaku pada tiap-tiap bulan. Ianya juga bergantung kepada musim dan keadaan. Angka yang pengkaji gunakan di sini ialah perbelanjaan keseluruhan (secara puratanya/average total expenditure) pada tiap-tiap bulan. Namun demikian, pada bulan-bulan tertentu, perbelanjaan adalah kurang.

---

Catitan:

(8) Belanja jaga pukat - adalah belanja yang dikenakan untuk memperbaiki pukat yang rosak.

Belajna jaga bot - adalah belanja yang dikenakan untuk mengecat bot dan menampung kerosakan.

Belanja jaga injin - adalah belanja yang dikenakan untuk merombak-rawat (overhaul) injin yang sering dibuat setahun sekali.

Konsep simpanan boleh diertikan sebagai sebahagian daripada pendapatan yang tidak digunakan.[9] Simpanan yang dilakukan oleh seseorang itu mempunyai motif masa depan yang tertentu, iaitu dengan tujuan menjaga keadaan yang tidak tentu pada masa depan. Sebenarnya, simpanan itu mempunyai perkaitan dengan penanaman modal dan tabungan yang bertujuan untuk menambahkan pendapatan atau mencari keuntungan. Ia merupakan juga satu proses ekonomik atau berjimat-cermat. Dalam kes nelayan di Kampong Jepak, didapati hanya sebilangan kecil dari kalangan mereka membuat simpanan di bank. Ini menunjukkan bahawa taraf simpanan dalam komuniti mereka adalah rendah.

Walaubagaimanapun, golongan nelayan pukat ranto dan pukat tunda bolehlah dikatakan sebagai golongan nelayan yang letaknya di atas sekali di dalam hiraki kaum nelayan. Pendapatan mereka adalah setanding dengan gaji seorang pegawai perikanan atau lain-lain pegawai kerajaan. Namun demikian, pendapatan mereka adalah tidak stabil, bergantung pada musim dan biasanya hanya ke laut antara 18 - 20 hari saja dalam sebulan. "....The economic organisation of inshore fishing to a great extent has been influenced by the processes of adaptation to the environment and to the market economy. In all their endeavours, fishermen have to consider elements of uncertainty, such as weather, sea condition, tides, winds, etc".[10] Pendapatan para nelayan juga adalah bergantung pada harga ikan

---

(9) Abdul Kadir bin Wan Yusoff, 1974, Kajian Sosio-Ekonomi Komuniti Nelayan dan Petani, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Lihat juga Goldsmith R.W., A Study of Saving in U.S. New York, Greenwood Press, 1969; Lindauer John, Macroeconomics, New York, John Wiley, 1968.

(10) Sharifah Zaleha Hassan, op.cit. m.s. 28.

University of Malaya

di pasaran. Tapi, pendapatan mereka yang tinggi itu adalah sebenarnya berpatutan memandang pada banyak jumlah tenaga dan permodalan yang terlibat.

Pengeluaran dan Pemasaran

Bentuk ekonomi petani dan nelayan bukan setakat untuk sara-diri lagi dengan datangnya pengaruh barat. Sebahagian besar daripada pengeluaran diarahkan kepada pasaran bagi mendapat wang tunai untuk perbelanjaan terhadap barang-barang dan khidmat yang tidak dapat diadakan sendiri.

Pengeluaran ikan berbeza dari masa ke semasa mengikut keadaan laut. Bulan-bulan yang banyak memberi hasil adalah bulan April hingga bulan Oktober. Mengikut penyelidikan pengkaji, pada bulan Mei yang lalu, nelayan-nelayan telah mendaratkan ikan sebanyak dua pikul seorang secara puratanya. Turun-naik pandapatan bulanan nelayan adalah juga mencerminkan variasi pengeluaran ini selain daripada harga pasaran.

Konsep pemasaran ini diberikan berlainan definisi oleh tokoh-tokoh yang berlainan. Perbedaan ini adalah akibat daripada pandangan-pandangan yang berbeda meskipun aktiviti yang dimaksudkan adalah sama: "....Marketing means different thing to different people. The variation in meaning stem from differences in viewpoint, not from differences in the activity itself. Some observers view marketing broadly. Others view it narrowly".[11]

---

[11] Bell, Martin L., Marketing, Concept and Strategy, London, Macmillan Ltd., 1966.

GAMBAR 11 : PEMANDANGAN DI PASAR IKAN BINTULU



GAMBAR 12 : NELAYAN MENDARATKAN IKAN



Aktiviti pemasaran boleh diertikan sebagai rangkaian beberapa perkhidmatan dari titik awal pengeluaran hingga ke titik akhir penggunaan. Misalnya, perkhidmatan pengangkutan dari pantai atau pengkalan ke pasar ikan mewujudkan nilai faedah berasaskan tempat. Tapi dalam kes nelayan-nelayan di Bintulu dan di Kampong Jepak khasnya, mereka sendiri membawakan hasil tangkapan mereka ke pasar dan menjualkannya kepada peraih-peraih. Pasaran ikan basah disalurkan kepada tawkeh-tawkeh. Oleh kerana sekarang ini telah ditubuhkan Persatuan Nelayan, nelayan-nelayan yang menjadi ahli adalah diwajibkan menjual atau menyalur hasil mereka kepada pihak persatuan yang mempunyai penjual ikannya sendiri. Namun demikian, masih juga terdapat nelayan yang menjadi ahli persatuan, masih tetap menyalur kepada tawkeh Cina. "....These market relations invariably generate exploitative monopoly-monopsony intermediate situations".[12]

Beberapa alasan cuba dicari tentang pemilihan dan prioriti saluran tawkeh ini. Antara lain, alasan yang didapati ialah saluran melalui tawkeh menyenangkan nelayan dan tidak membazirkan masa. Lagipun, orang tengah ini menyediakan bayaran tunai dan serta-merta tanpa tangguhan. Jualan terus kepada pengguna hanya akan membuang masa dan belum pasti laris dijual.

---

[12] H.M. Dahlan - op.cit - m.s. 105.

Selain dari itu, tawkeh menyediakan banyak kemudahan dengan percuma. Di antara lainnya, termasuklah bakul-bakul ikan, tong-tong untuk menyimpan cir, bekalan air dan yang penting sekali, tawkeh ini menyediakan bekalan ais (atau air batu) untuk menyimpan ikan basah sampai hingga seminggu. Juga tawkeh menyediakan pinjaman jangka panjang dan jangka pendek. Pinjaman jangka panjang memerlukan hubungan yang sudah erat antara tawkeh dengan nelayan. Pinjaman jangka pendek boleh didapati bila-bila sahaja diperlukan, terutama di masa kecemasan. Inilah antara sebab-sebab nelayan memilih saluran tawkeh. "....Fishermen ....rely on a fish dealer to distribute their catch because the latter has the means to provide the essential facilities. Fishermen ask for an advance and even borrow money from the tawkeh ikan for their daily needs".(13) Ini memperkuatkan lagi perhubungan atau pergantungan mereka kepada tawkeh-tawkeh ikan ini. Faktor-faktor ini nanti dipercayai akan mempengaruhi kekesanan persatuan nelayan di kawasan tersebut.

Berhubung dengan alasan-alasan tadi adalah dianggapkan bahawa status pelajaran nelayan yang rendah tidak membolehkan mereka tahu tentang selok-belok pemasaran. Apatah lagi kalau rantaian atau jaringan perkhidmatan tadi melibatkan ekspot dan impot dan perniagaan besar-besaran. "....Concept of serah implies that the fisherman leave it to the discretion of the tawkeh to dispose of the catch in whatever manner and wherever he thinks best since the fishermen acknowledge the fact that

---

(13) Sharifah Zaleha Hassan - op.cit - m.s. 30.

the middleman has a much better knowledge of the marketing ring".[14] Sudah wajarlah mereka mencari jalan yang mudah dan pendek. Untuk tujuan ini, saluran melalui tawkehlah yang paling sesuai. Disinilah, agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan Laut, Majuikan dan sebagainya diperlukan memainkan peranan yang lebih efektif dan berkesan. Campur-tangan terus oleh kerajaan adalah tidak perlu, tetapi paling tidaknya harus ada tindakan kerajaan untuk mengawal harga ikan. Setakat ini, harga ikan adalah ditentukan oleh tawkeh-tawkeh.

Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Para Nelayan

Masalah utama yang dihadapi oleh nelayan-nelayan Kampong Jepak ialah masalah "orang tengah" yang sering mengeksploitasikan mereka serta mengancam kedudukan ekonomi mereka.[15] Hubungan para nelayan dengan individu-individu tertentu di pusat-pusat bandar terutamanya dengan pekedai-pekedai barang keperluan telah membentuk satu corak

---

[14] Sharifah Zaleha Hassan - op. cit - m.s. 32.

[15] Ungku Aziz misalnya, mengemukakan saranan "Monopoly-Monopsony atau sistem M.M." di mana beliau mengatakan bahawa golongan yang dikatakan orang tengah mengeksploit golongan petani dalam dua cara. Petani mengeluarkan hasil (getah/padi/ikan) dan menjualkan hasil keluaran mereka kepada orang tengah (peminjam wang dan lain-lain) dengan harga yang paling rendah. Sementara orang tengah pula membekal baja, barang-barang makanan dan lain-lain alat keperluan kepada golongan petani (termasuk nelayan). Petani pula membeli dengan harga yang paling tinggi. "...In the M.M. system the real weapon for exploitation is the ownership and control of capital. Liquid capital in the form of money is used for money-lending which not only earns high rates of interest but also creates obligations on the part of the rural workers to deliver their produce to the trader....Intermediate capital in the form of advances of seeds, fertilisers, livestock or fuel is used to create obligations which strongly reinforce the M.M. system".

hubungan yang dipanggil sebagai hubungan "tawkeh-pelanggan" atau "peniaga-pelanggan".

Firth pula, dalam kajiannya keatas masyarakat nelayan di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia, menyatakan bahawa keseluruhan sistem pemasaran perikanan telah membawa kepada perkembangan berbagai jenis orang tengah yang juga merupakan pakar. Mereka menjalankan berbagai peranan seperti mengeluarkan pinjaman pendahuluan kepada para nelayan dan pendaratan ikan yang akan datang sebagai securitynya. Mengikut Firth, hubungan antara nelayan dan orang tengah seolah-olah hubungan "social-contract" dan selalunya mengakibatkan penggantungan para nelayan kepada orang tengah dengan peluang yang sedikit untuk mengumpulkan modal mereka sendiri. "....The scope of the whole system of fish marketing has led to the development of various types of middlemen who are often specialists - as wholesalers or retailers, as handlers of fresh fish or of cured and dried fish. They conduct their transactions with much haggling and employ complicated methods of finance and credit".(16)

Telah dinyatakan di dalam bab yang lepas bahawa golongan tawkeh ini adalah merupakan golongan yang memiliki bot-bot, alat-alat tangkapan serta modal dan merupakan sumber nelayan bagi alat-alat tangkapan, pinjaman dan sebagainya.

Kemunculan golongan orang tengah ini berkait rapat dengan bentuk ekonomi kapitalis yang dibawa masuk oleh Inggeris. Dalam lapangan ekonomi didapati jelas sekali perubahannya, dengan meluasnya ekonomi wang.

---

(16) Firth, Raymond, <u>Malay Fishermen: Their Peasant Economy</u>, Routledge & Kegan Paul Ltd., m.s. 21.

Pengeluaran peasant secara kecil-kecilan dan untuk penggunaan sendiri telah merasai kesan daripada corak pengeluaran secara besar-besaran oleh pemodal-pemodal asing. Oleh kerana itu komuniti peasant terpaksa mengeluarkan lebihan untuk dipasarkan kerana barang-barang baru yang dibawa masuk telah menimbulkan keperluan baru. "....Capitalist penetration of this industry brought about two significant developments: firstly, the creation of a petty capitalist class which tended to restrict itself more and more to capital control, and secondly, the proletariatization of the ordinary, propertyless fishermen. The latter class further suffered social and material degradation when the new, capitalistic environment not only introduced competing wants, values, and requirements in the modes of production and marketing of the fishing industry but it also entailed new habits of consumption".(17)

Analisa Fraser dalam kajiannya di Rusembilan, menjelaskan bahawa, "....The forces of capitalism were reported to have taken place: the emergence of a small group of entrepreneurs, land/wealth accumulation by the successful fishermen, seasonal wage earners (among the unsuccessful fishermen) and the control of marketing transactions by Chinese wholesalers-cum-middlemen".(18)

Para nelayan bergantung kepada golongan orang tengah ini untuk mendapatkan barang-barang bekalan mereka dan di samping itu tawkeh-

---

(17) H.M. Dahlan - op.cit - m.s. 109.

(18) - ibid - m.s. 110.

tawkeh ini juga merupakan orang-orang yang memasarkan hasil pengeluaran atau pendaratan ikan oleh nelayan tadi. Biasanya, tawkeh-tawkeh ini akan membeli ikan secara "borong" (bulk-buying) dari nelayan-nelayan dan menjual dengan harga yang lebih di pasaran. Di sini para nelayan dieksploitasikan dua kali di mana mereka menjual ikan atau hasil tangkapan mereka dengan harga yang murah dan apabila membeli barang-barang keperluan, tawkeh-tawkeh tersebut menjual dengan harga yang mahal. Di samping itu, kedapatannya keadaan di mana para nelayan berhutang barang-barang keperluan dengan pekedai-pekedai dan hutang mereka ini akan dipotong dari hasil tangkapan mereka yang dijual kepada tawkeh tadi. Hubungan sebegini merapatkan lagi perhubungan antara nelayan-nelayan dengan tawkeh-tawkeh dan oleh kerana "terhutang budi" mereka juga menganggap tawkeh-tawkeh ini sebagai penaung mereka. "....The whole network of relationship of the bertaukeh system can be seen as forming an informal organisation that involves at least two parties who occupy superior-inferior position rendered inconspicuous due to reciprocal interaction between the two that transcends purely economic considerations....when an individual states directly or indirectly that he bertaukeh with so and so, it indicates that he has entered into a dyadic contract with a particular fish dealer with whom he reciprocates in socio-economic matters".[19]

Keadaan sebegini berlanjutan hingga ke generasi seterusnya (inter-generational), lebih-lebih lagi jika nelayan-nelayan tersebut tiada mempunyai apa-apa milikan dan hanya bergantung kepada bot-bot

---

[19] Sharifah Zaleha Hassan - op.cit - m.s. 30.

tawkeh tersebut untuk dijalankan dan dengan cara ini dapat mencari rezeki bagi menyarakan kehidupan keluarga mereka. "....These middlemen entrepreneurs formed the technological-equipment sector of the industry".[20]

Di kawasan Bintulu, iaitu termasuk daerah Kuala Tatau dan Serupai, terdapat hanya 23 bot yang dimiliki oleh kaum bumiputera (yang termasuk Dayak, Melanau dan lain-lain). Manakala di Kampong Jepak sendiri hanya terdapat 6 buah bot yang dimiliki oleh bumiputera. Mereka ini mempunyai awak-awak sendiri. Perlu dinyatakan di sini bahawa sebuah bot atau seorang jeragan itu biasanya mengambil 5 - 6 orang awak-awak bagi membantunya dan secara keseluruhannya terdapat kira-kira 36 orang nelayan di Kampong Jepak yang bekerja sesama bumiputera. Yang lainnya adalah bekerja dengan menjalankan bot-bot tawkeh Cina. Dari tinjauan oleh pengkaji sendiri, nelayan-nelayan yang menjalankan bot-bot sendiri ini adalah lebih menguntungkan dan lebih cerah dari segi kedudukan ekonomi dan juga pendapatan mereka, jika dibandingkan dengan nelayan-nelayan yang menjalankan bot Cina. Ini mungkin kerana mereka mempunyai asas untuk berunding mendapatkan harga yang lebih berpatutan dan mereka mempunyai pilihan untuk menjual kepada peraih-peraih yang menawarkan harga yang lebih mahal. Dari segi pendapatan pula, hasilnya adalah dikira "bahagi" di mana jeragannya atau pemilik bot itu sendiri mendapat separuh dan separuh lagi dibahagi di antara awak-awaknya. Selain dari itu, "....a significant fraction of fishermen's income accrues in non-monetary form.

---

(20) H.M. Dahlan - op.cit - m.s. 112.

The crew may, for example, receive fish which they can use for their own consumption or which they can sell on their own, the so-called ikan lauk".[21]

Nelayan-nelayan yang menjalankan bot milikan Cina juga mempunyai faedah dari segi bahawa mereka tidak perlu untuk mengeluarkan wang dari saku mereka sendiri untuk membeli minyak (petrol) dan lain-lain alat perkakas penangkapan kerana semua ini adalah disediakan oleh tawkeh sendiri. Tapi, walaupun demikian, segala perbelanjaan ini dan lain-lain ongkos adalah dikira dan ditolak daripada jumlah pendapatan keseluruhannya. Dari sini baharulah dibahagikan untuk pendapatan nelayan-nelayan tersebut.

Masalah pemasaran hasil tangkapan, di mana hingga sekarang kerajaan sendiri tidak dapat mengawalnya secara langsung menyulitkan lagi kedudukan para nelayan. Harga-harga ikan adalah ditentukan dan distandardise oleh golongan tawkeh-tawkeh tersebut. Pernah dinyatakan bahawa, "....Marketing of fish in both West and East Malaysia is carried essentially by the fish traders from assembling, handling and retailing and even some financing".[22] Di sini jelas kelihatan pengeksploitasian

---

(21) G.R. Munro & Chee Kim Loy, The Economics of Fishing and the Developing World: A Malaysian Case Study, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1978 m.s. 44.

(22) Elliston G.R., The Role of Middlemen in the Fishing Industry of West Malaysia dalam Review of Agricultural Economics Vol. 1, No.2 Dec. 1967, m.s. 31.

University of Malaya

yang dijalankan oleh golongan orang tengah ini dan seterusnya kita akan lihat kelak di mana mereka ini telah menggagal atau melambatkan usaha kerajaan untuk membaiki taraf kehidupan para nelayan.

Selain daripada masalah di atas, masalah lain ialah masalah mendapatkan minyak petrol. Masalah kekurangan minyak petrol adalah amat dirasai oleh penduduk di Bintulu sendiri. Ini adalah kerana minyak petrol hanya dibekalkan dari Miri dan pada masa kini hanya terdapat dua buah stesen minyak di Bintulu. Minyak merupakan bahan utama yang diperlukan sebelum nelayan-nelayan dapat turun ke laut. Kadang-kadang nelayan-nelayan tidak ke laut semata-mata kerana tiada bekalan minyak dan terpaksa menunggu bekalan dari Miri. Masalah ini boleh dikatakan sebagai tidak dapat dielakkan, tapi boleh diatasi dengan membuka sebuah lagi stesen minyak yang khas untuk para nelayan mendapatkan bekalan.

Masalah mendapatkan ais (atau air batu) untuk mengaiskan hasil tangkapan mereka juga merupakan salah satu masalah yang mereka hadapi. Setakat ini kilang memproses ais (yang secara small-scale saja) adalah dimiliki oleh seorang tawkeh Cina dan kadang-kadang mereka ini tidak mahu menjual ais kepada nelayan-nelayan yang memerlukannya bagi mengaiskan ikan mereka. Oleh yang demikian, kadang-kadang banyak ikan terpaksa dibuang begitu saja ataupun dibuat ikan kering saja. Tindakan tawkeh tersebut untuk tidak menjual ais ialah kerana mahukan harga ikan supaya tinggi, kalau tidak mereka akan kehilangan keuntungan. Satu projek untuk membina satu kilang ais dan sebuah lagi stesen minyak telah dimajukan oleh pihak Majuikan, tapi setakat ini masih menunggu kelulusan.

University of Malaya

Mengikut seorang pegawai Majuikan yang ditemui, nelayan-nelayan di kawasan Bintulu masih belum maju kerana mereka masih belum mempunyai keyakinan yang teguh terhadap Majuikan di sini. Menurutnya lagi, para nelayan mahukan usaha yang fizikal, iaitu, dengan terdirinya kilang ais dan stesen minyak kelak barulah dapat menyakinkan mereka terhadap usaha kerajaan melalui Majuikan untuk membaiki kedudukan mereka.

Usaha-Usaha dan Rancangan Kerajaan

Perbincangan terdahului manunjukkan bahawa kedudukan para nelayan adalah tidak memuaskan. Di bahagian ini akan dibincangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi berbagai masalah yang telah diutarakan tadi.

Pada awal tahun 1972, Menteri Pertanian dan Perikanan telah mengesahkan pembentukan tujuh kawasan Persatuan Nelayan di negeri Sarawak dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kedua. Kawasan-kawasan yang dipilih ialah Hilir Barat Kuching (termasuk Bako dan Buntal), Belawai, Miri, Mukah dan Awat-Awat. Peruntukan berbentuk geran dan subsidi telah disediakan oleh kerajaan untuk memajukan Persatuan Nelayan ini.

Berikutan dengan skim ini ialah beberapa rancangan pembangunan dalam sektor perikanan, termasuk pembinaan kemudahan pemasaran, misalnya, tiga buah jeti di Miri, Buntal dan Bako, pembinaan sebuah pasar ikan untuk Persatuan Nelayan di Buntal pada tahun 1974 dan pembinaan

**Jadual 3:3**

**Jumlah Subsidi Yang Diperolehi Oleh**

**Nelayan-Nelayan di Sarawak**

| Tahun | Bilangan Nelayan dan Jumlah Subsidi | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | Melanau/Melayu | | Cina | | |
| | Bilangan | Jumlah | Bilangan | Jumlah | |
| 1971 | 19 | $ 26,771.70 | 3 | $ 9,381.00 | $ 36,152.70 |
| 1972 | 347 | 88,664.72 | 6 | 1,080.00 | 89,924.72 |
| 1973 | 1,230 | 127,975.00 | 30 | | 127,975.00 |
| 1974 | 401 | | 26 | | 55,920.00 |
| 1975 | 83 | | - | | 15,830.00 |
| 1976-1977 | - | - | - | - | - |
| Jumlah | 2,080 | 243,411.42 | 65 | 10,461.00 | 325,802.42 |

Sumber: Pungutan dari Lapuran Jabatan Perikanan Laut, Sarawak.

sebuah kemudahan "cold storage and ice plant" yang boleh memuatkan 10 tan ikan yang menelan belanja $510,000 di Miri. Kemudian dalam tahun 1976, sebuah jeti lagi dibina di Belawai dan Bintulu. Sekarang ini, nelayan di kawasan Bintulu telah mempunyai Persatuan Nelayan sendiri tapi urusan pentadbirannya adalah diselenggarakan oleh Miri, sebagai ibu pejabat persatuan nelayan di Bahagian Keempat. Pengurusan persatuan nelayan ini juga adalah dengan bantuan dari pihak dan pegawai Majuikan. Setakat ini negeri Sarawak hanya mempunyai empat buah persatuan nelayan yang telah

University of Malaya

terdaftar, iaitu, Persatuan Nelayan di Miri, Mukah/Oya, Belawai dan di Kampong Buntal.

Persatuan Nelayan Bintulu yang juga meliputi nelayan-nelayan di kawasan Kuala Tatau, ditubuhkan secara rasmi dalam tahun 1976 dan ianya dianggap sebagai "sub" kepada Persatuan Nelayan di Miri. Boleh dikatakan bahawa Persatuan Nelayan di Bintulu ini masih muda usianya untuk memberi perkhidmatan yang berkesan kepada para nelayan di daerah tersebut.

Jadual 3:4

Bilangan Nelayan dalam Kawasan Koperasi Bintulu dan Kuala Tatau, Mengikut Bangsa dan Kategori

| Kategori | Melayu | Cina | India | Lain-Lain | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| A | 193 | 2 | - | 3 | 198 |
| B | 3 | 2 | - | - | 5 |
| C | 17 | - | - | 1 | 18 |
| D | 67 | - | - | 1 | 68 |
| Jumlah besar | 280 | 4 | - | 5 | 289 |

A = Nelayan Sepenuhmasa

B = Dealers/Peraih

C = Nelayan Separuhmasa

Di sini perlu dinyatakan bahawa kriteria bagi membahagikan nelayan-nelayan kepada separuhmasa dan sepenuhmasa ialah masa mereka

University of Malaya

pergi ke laut menangkap ikan. Di sini, jumlah masanya ialah 90 hari dalam setahun. Yang pergi ke laut kurang daripada jumlah hari tersebut dianggap sebagai nelayan-nelayan separuhmasa.

D = Ahli-ahli Bersekutu. Mereka ini merupakan ahli-ahli yang mempunyai saham-saham di dalam persatuan nelayan tersebut.

Sumber: Jabatan Perikanan Laut, Sarawak, Cawangan Bintulu.

Jadual 3:5

Bilangan Bot yang Dimiliki oleh Ahli Persatuan

Mengikut Jenis

| Jenis Bot | Bilangan Bot yang dimiliki oleh Ahli-ahli | | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | Bumiputera | Cina | |
| Bot injin dalam | 24 | 1 | 25 |
| Bot injin sangkut | 38 | - | 38 |
| Bot tak berinjin | 2 | - | 2 |
| Jumlah besar | 64 | 1 | 65 |

Sumber: Pejabat Majuikan, Bintulu.

University of Malaya

Jadual 3:6

Bilangan Bot yang Dimiliki oleh Ahli Persatuan

Mengikut Jenis Perkakas yang Digunakan

| Jenis Perkakas | Bilangan bot yang dimiliki oleh ahli-ahli | | Jumlah | Bot milik Persatuan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | Bumiputera | Cina | | | |
| Pukat Tunda | 11 | 1 | 12 | 1 | 13 |
| Pukat Hanyut | 7 | | 7 | 2 | 9 |
| Pukat Tangsi | 40 | | 40 | | 40 |
| Panau | 6 | | 6 | | 6 |
| Jumlah besar | 64 | 1 | 65 | 3 | 68 |

Sumber: Pejabat Majuikan, Bintulu.

Melihat pada jadual-jadual yang telah ditunjukkan di atas, maka dapatlah dikatakan bahawa Persatuan Nelayan dapat sekurang-kurangnya melepaskan para nelayan dari cengkaman orang-orang tengah dan membolehkan mereka menambahkan lagi hasil tangkapan mereka. Persatuan nelayan juga telah mengambil alih pemasaran hasil tangkapan untuk ahli-ahlinya dan ahli-ahli persatuan adalah dimestikan menjualkan segala hasil tangkapan mereka kepada persatuan tersebut. Namun demikian, terdapat juga "counter-measure" atau usaha tindakbalas oleh golongan orang-tengah untuk membendungkan usaha kerajaan melalui Majuikan ini, supaya kedudukan mereka tidak terancam. Dalam kajian pengkaji, didapati bahawa tawkeh atau pemodal yang dulunya menyewakan bot-bot mereka kepada

nelayan-nelayan, sekarang telah berubah sikap, iaitu mereka menawarkan penyerahan milikan bot-bot itu kepada nelayan-nelayan tersebut dengan harga yang murah dan bayaran secara ansur-ansur. Tapi syarat yang dikenakan ialah sebelum segala hutang dijelaskan, nelayan-nelayan hendaklah menjualkan hasil tangkapan kepada mereka dan di sini akan ditolak daripada hutang mereka. Cara ini seolah-olah menarikkan para nelayan, terutamanya mereka yang tiada mempunyai apa-apa milikan mendekati orang-orang tengah itu. Apabila tawaran diterima hubungan antara mereka akan terus berkekalan. Bagi nelayan-nelayan yang telah lama menjalankan bot miliki tawkeh Cina secara sewaan, telah terus-menerus bergantung kepada mereka ini. Terdapat kes-kes di manannelayan-nelayan yang telah menjadi ahli persatuan nelayan dan sepatutnya menjualkan hasil tangkapan mereka kepada persatuan, masih tetap menjualkannya kepada tawkeh-tawkeh tersebut. Alasan mereka ialah bahawa tawkeh tersebut menawarkan harga yang lebih tinggi jika dibanding dengan harga tawaran persatuan. Keyakinan yang belum begitu kukuh terhadap persatuan oleh ahli-ahli adalah juga antara sebab-sebab yang menjadikan persatuan nelayan kurang berkesan.

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak (SEDC) telah juga mengelolakan pelancaran skim pinjaman untuk para nelayan, selain daripada usaha seumpama itu yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Laut Sarawak. Antara lain, objektif-objektif skim subsidi dan pinjamin kelolaan ajensi-ajensi kerajaan ini adalah untuk menambahkan produktiviti kegiatan perikanan dan menambah pendapatan nelayan. Untuk menilai skim pinjaman di Sarawak, kita perhatikan jumlah wang yang telah digunakan dan juga bilangan nelayan yang telah menerima faedah ini.

Jadual 3:7

Pinjaman Perikanan SEDC (1962-1972)

| Bangsa | Bilangan Nelayan yang Menerima Pinjaman | Jumlah yang dipinjamkan |
|---|---|---|
| Cina | 61 | $ 462,801 |
| Melayu | 306 | 1,592,257 |
| Dayak | 3 | 18,721 |
| Jumlah | 370 | 2,073,779 |

Sumber: Pungutan dari lapuran Jabatan Perikanan Laut Sarawak.

Sungguhpun wang yang begitu banyak telah digunakan untuk perusahaan perikanan, skim pinjaman oleh SEDC telah gagal mencapai matlamatnya. Antara sebab-sebab yang dikemukakan dalam lapuran tahunan lembaga itu bagi tahun 1973 ialah pertama, peruntukan yang disediakan di bawah ini adalah tidak mencukupi menyebabkan banyak nelayan terpaksa berhutang kepada orang luar, terutama tawkeh-tawkeh ikan untuk menokokan peruntukan itu. Kedua, pinjaman yang diberikan kepada nelayan, kebanyakannya disalahgunakan oleh mereka. Ini adalah disebabkan karena kurangnya pemeriksaan ke atas mereka yang diberi pinjaman. SEDC menyatakan bahawa kerja memeriksa adalah susah dan mahal sebab lokasi peserta-peserta projek tersebut berselerak dan memerlu banyak tenaga dan wang. Ketiga, perkembangan mekanisasi yang pesat bagi bot-bot yang tidak bermotor telah menyebabkan banyak kecacatan teknikal. Dan keempat, masih terdapat kekurangan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan oleh perusahaan ini.

Skim subsidi kelolaan Jabatan Perikanan Laut Sarawak yang banyak melibatkan nelayan-nelayan juga memberi jumlah subsidi bagi tiap-tiap nelayan yang terlalu rendah untuk dapat menjayakan perusahaan. Jumlah purata subsidi bagi setiap orang adalah hanya $117 hingga $161. Kegagalan dalam kebanyakan implementasi skim bantuan ini mungkin disebabkan kekurangan tenaga manusia yang berpengalaman dalam bidang perikanan atau kekurangan pakar untuk menyelia implementasi skim-skim tersebut. Terdapat juga sungutan di kalangan setengah-setengah nelayan bahawa ada di antara mereka yang menerima subsidi dua kali ataupun pengamalan "favouritism" dalam pemberian subsidi. Ini telah menyebabkan kurangnya nelayan yang berminat untuk memohon mendapatkan subsidi kerana setiap kali memohon hanya orang-orang tertentu saja, yang rapat dengan pihak Jabatan Perikanan saja yang dapat. Namun demikian, menurut seorang pegawai Majuikan yang ditemui bahawa mereka perlu meneliti segala "merit" dan kelayakan seseorang itu sebelum subsidi dapat dikeluarkan. Lagipun, setiap pemberian subsidi hendaklah dirujuk kepada ibu pejabat di Kuching untuk keputusan muktamad. Pemberian subsidi ini adalah setahun sekali dan sekarang ini pemberiannya tidak lagi di dalam bentuk wang tunai tetapi dalam bentuk injin atau pukat.

Dalam pemberian subsidi ataupun permohonan untuk mendapatkan subsidi, pihak Jabatan Perikanan Laut juga telah menetapkan beberapa syarat kepada pemohon-pemohon atau peserta-peserta, yang antara lainnya diperturunkan di sini:-

(a) Nelayan-nelayan tulin yang bekerja menangkap ikan tidak kurang dari 90 hari dalam setahun.

Jadual 3:8

Kedudukan Subsidi Yang Diperolehi Oleh

Ahli-Ahli Persatuan Nelayan Bintulu

| Jenis Subsidi | Bilangan Ahli | Nilai Subsidi |
|---|---|---|
| Injin (a) Dalam<br>(b) Sangkut | 5 orang ahli dapat sebuah injin dalam 33 kuasakuda Yanmar seorang<br>6 orang ahli dapat sebuah injin dalam 22 kuasakuda Yanmar seorang | $ 162,000 |
| Pukat/Lain-lain | 43 orang ahli persatuan Yunit Bintulu telah mendapat 24 saham bernilai $125 seorang | $ 5,160 |
| Jumlah | | $ 167,160 |

Sumber: Pejabat Majuikan, Bintulu.

(b) Nelayan-nelayan itu dikehendaki menunjukkan kemampuan untuk maju dan sanggup menerima perubahan dan teknik menangkap ikan baru yang mungkin timbul dari masa ke semasa.

(c) Nelayan-nelayan yang dinyatakan di atas hendaklah di antara yang telah menghadiri kursus-kursus latihan di sekolah perikanan laut di bawah kelolaan Jabatan Perikanan. Pemohon-pemohon yang belum dilatih hendaklah bersedia setuju menghadiri kursus tertentu apabila dikehendaki oleh kerajaan.

University of Malaya

(d) Nelayan-nelayan yang dipilih untuk menyertai rancangan ini hendaklah terdiri daripada ahli-ahli Persatuan Nelayan. Pemohon dari kawasan yang tiada Persatuan Nelayan akan juga dipertimbangkan.

(e) Seseorang nelayan peserta hanya boleh menerima satu jenis bantuan dan sekali sahaja.

Syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Perikanan Laut ini seolah-olah menyekat para nelayan dari memohon untuk mendapatkan subsidi. Menurut setengah nelayan mereka ingin benar untuk berusaha untuk maju, tetapi peluang dan kesempatan tidak diberikan kerana tiap kali permohonan mereka untuk subsidi ditolak. Bagi pihak Jabatan Perikanan pula, mereka harus mengikut peraturan-peraturan tertentu dan tidak semua nelayan dapat diberi subsidi. Di sini kita lihat terdapatnya sedikit-sebanyak pergeseran di antara pihak Jabatan Perikanan dengan para nelayan.

Pergeseran sebegini akan membantutkan kerjasama antara pegawai perikanan dengan para nelayan dan ini akan menggagalkan usaha-usaha yang telah dirancangkan dan yang hendak dilaksanakan. Oleh itu sikap pegawai perikanan harus disesuaikan mengikut aspirasi dan perasaan nelayan. Kalau tidak, orang-orang tengah akan berjaya menyeludup masuk dan mengambil kesempatan menanamkan pengaruh akibat daripada perbalahan tadi. Kalau tawkeh-tawkeh berjaya dalam hal-hal pinjaman, dapat menarik para nelayan untuk berhubungan terus dengan mereka dan sebagainya; ingin dipersoalkan kenapa pegawai-pegawai gagal? Inilah persoalan yang perlu direnung bersama.

Oleh kerana tiada mendapat subsidi dan memerlukan wang atau modal, ramai di antara para nelayan berpindah kepada orang tengah untuk mendapatkannya. Malahan, lain-lain anggota Kampong juga bertumpu kepada mereka ini untuk pinjaman dan sebagainya. "....Acquiring capital is a major problem. It is at this juncture that the middleman steps in to provide services as fish dealer, money-lender, shopkeeper, boat owner etc with the express purpose of catering of the financial needs of the capitalist less fishermen in particular and the poor villagers in general. Once he establishes his position in the village, the middleman popularly known as the "taukeh ikan" becomes a functional element in the economic structure of the community".[23]

---

[23] Sharifah Zaleha Hassan - op.cit - m.s. 29

Perkataan taukeh (atau tawkeh) adalah asal perkataan Cina. Tapi dalam Bahasa Melayu ianya dimaksudkan kepada seseorang Cina yang mengurus dan mengawal sesuatu perniagaan. Seseorang tawkeh itu dipercayai kaya dan berpengaruh. Istilah taukeh ikan adalah merujuk kepada peraih Cina yang mengawal aspek pemasaran di dalam perusahaan perikanan tempatan dan memiliki beberapa buah perahu ikan. Ini meletakkannya kepada kedudukan kewangan yang kukuh dan menjadi tumpuan pelanggan-pelanggan.

University of Malaya

# BAB 4

## STRATIFIKASI SOSIAL PENDUDUK KAMPONG JEPAK

Terdapat beberapa definisi yang telah dikemukakan mengenai stratifikasi atau susunlapis sosial. Namun, definisi yang paling terkemuka tentang susunlapis sosial dikemukakan oleh Parson. Mengikut beliau, "Social stratification is the differential ranking of human individuals who compose a given social system and their treatment as superior or inferior relative to one another in certain socially important respects".(1) Ini bermakna bahawa perlapisan atau pemeningkatan yang membedakan manusia individu dalam satu susunan sosial serta layanan tinggi-rendah bermula dengan sifat manusia yang tidak sama. "Stratification is synonymous with inequality".(2) Bila unsur tidak sama diberi nilai oleh masyarakat, maka terdapatlah satu pemeningkatan yang tidak sama.

Dalam melihat stratifikasi sosial masyarakat nelayan di Kampong Jepak, ianya adalah berdasarkan kriteria pendapatan dan status. Dengan lain perkataan, pengkaji akan membuat penumpuan lebih kepada "Social and Economic Differentiation" di kalangan penduduk Kampong tersebut.

---

(1) Parsons, Talcott "An Analytical Approach to the Theory of Social Stratification", di dalam Essays in Sociological Theory, Revised Edition, The Free Press of Glencoe.

(2) Tumin, M.M., Social Stratification, The Forms & Functions of Inequality, Prentice Hall, India.

Sebenarnya, kriteria-kriteria itu adalah berkaitan antara satu sama lain ataupun saling bertindih di mana melalui pendapatan akan dapat ditentukan kedudukan seseorang itu dan dari sini akan ditentukan statusnya pula. Namun begitu, tidak pula dinafikan bahawa penentuan status kadangkala lebih berdasarkan perkara-perkara yang subjektif, iaitu, penilaian seseorang terhadap individu lain. Walaubagaimanapun, dalam hal ini tadi ada tiga perkara yang perlu diperkatakan. Pertama, peranan individu dalam kegiatan ekonominya. Kedua, pengalaman yang dimiliki dan ketiga ganjaran dari perkhidmatannya.

Kriteria Utama Susunlapis Sosial

Pendapatan

Mengikut T.B. Bottomore,[3] pendapatan adalah faktor penting dalam menentukan kedudukan sosial. Mereka yang berada itu mempunyai pendapatan yang berbeza dan ini membawa kepada status, gaya hidup dan kepentingan yang berbeza daripada golongan yang tidak berada. Ujudnya status dan susunlapis sosial itu mempunyai kaitan penting dengan kedudukan ekonomi seseorang.

Secara umumnya, penduduk Kampong Jepak boleh dilapiskan seperti berikut, iaitu dengan berdasarkan pada pendapatan yang mereka perolehi.

---

(3) Bottomore T.B., Class in Modern Society, George Allen & Unwin Ltd., London, 1976, m.s. 16.

Para nelayan yang mempunyai milikan sendiri
↑
Pegawai-pegawai Kerajaan[4]
↑
Pekedai-pekedai runcit
↑
Para nelayan lain dan pekebun-pekebun kecil

Pendapatan yang tetap boleh menjamin kedudukan ekonomi seseorang. Petani atau nelayan merupakan golongan yang "vulnerable" kepada keadaan cuaca dan juga musim - musim tertentu. Pendapatan para nelayan adalah tidak tetap, iaitu, berbeza dari masa ke semasa mengikut keadaan laut. Turun-naik pendapatan bulanan mereka adalah mencerminkan variasi pengeluaran, selain daripada harga pasaran yang juga tidak tetap.

Jika dikhususkan kepada golongan para nelayan saja, akan dapat dilihat satu bentuk stratifikasi yang lain, iaitu, pertamanya lapisan atas yang terdiri dari golongan pemodal atau nelayan-nelayan yang mempunyai milikan sendiri. Kedua, lapisan pertengahan yang terdiri dari "Tekong atau taikong" (jeragan bot) dan ketiga terdiri dari awak-awak atau nelayan yang tanpa apa-apa milikan dan hanya menjadi buruh atas bot kepunyaan orang lain.

Golongan pemodal dan Nelayan-nelayan yang
mempunyai milikan (bot dan pukat)
↑
Golongan Tekong/Taikong[5]
↑
Awak-awak

---

[4] Penghulu Kampong juga tergolong dalam kumpulan pegawai kerajaan kerana dia dilantik oleh kerajaan dan diberi gaji serta elaun mengikut skel gaji kakitangan kerajaan.

[5] Terdapat juga kes di mana pemilik atau tuanpunya bot sendiri menjadi jeragan atau taikong dalam organisasi pekerjaan satu-satu unit pukat.

GAMBAR 13 : SEORANG NELAYAN PUKAT RANTO DENGAN BOTNYA



GAMBAR 14 : RUMAH SEORANG NELAYAN PUKAT RANTO



Pendapatan meletakkan seseorang itu kedalam kedudukan yang tertentu dari segi sosial dan mempunyai style of life[6] yang menjadi simbol prestige dalam stratifikasi sosial masyarakat ini. "....another obvious one is the connection between monetary resources and the style of life in such a way that money is the means of purchasing valued items of the style of life but conversely, the display of style of life items maybe a way of telling the public that one has a large income".[7]

Pengkaji juga telah menjalankan pemerhatian terhadap keadaan rumah responden-responden, terutamanya ke atas perabot-perabot rumah yang terdapat, alat-alat seperti peti talivisyen, radio dan sebagainya. Sepanjang kajian dijalankan, pengkaji mendapati bahawa para nelayan khususnya, nelayan-nelayan yang mempunyai atau memiliki bot-bot dan pukat sendiri adalah lebih baik kedudukan sosial mereka dan ada di antara mereka yang mengatasi golongan para pegawai kerajaan dari segi milikan harta dalam rumah.

Golongan yang di bawah sekali terdiri dari golongan awak-awak. Lapisan ini adalah sebagai tenaga buruh kepada tawkeh-tawkeh atau tuan-punya bot. Faktor yang penting meletakkan mereka ke dalam golongan ini ialah terdapat sedikit sekali peluang-peluang membuat satu-satu ketetapan dalam organisasi pekerjaan dan lain-lain hal yang berhubung dengan pengeluaran.

---

(6) Johnson dalam perbincangan "Social Ranking and Social Classes" memperkatakan tiap-tiap kumpulan mempunyai style of life yang tersendiri yang membezakan antara lapisan-lapisan dalam satu-satu masyarakat. Sila lihat H.M. Johnson, Sociology: A Systematic Introduction, Routledge & Kegan Paul Ltd, London, 1968 m.s. 474-479.

(7) Parsons, Talcott, The Social System, Routledge & Kegan Paul Ltd., London, 1974, m.s. 244-245.

**Status**

Status ialah penilaian atau penghormatan yang diberi oleh anggota komuniti terhadap kedudukan seseorang. Secara umum status di-definisikan sebagai: "The relative rank of a person in terms of the degree of his procession of the characteristic highly valued by the culture".[8]

Mengikut Bernard S. Philipps status adalah didasarkan kepada "Social estimations of honour".[9] Dengan kata-kata lain sesuatu kedudukan status itu dihubungkan kepada style of life yang tertentu di mana corak interaksi individu itu sebahagian besarnya dibatasi dengan lain-lain ahli oleh stratumnya.[10]

Dalam masyarakat Kampong Jepak ini, terdapat satu rupa bentuk status yang didasarkan kepada stratum yang terdapat dalam sistem sosial masyarakat ini. Stratum ini adalah didasarkan kepada pekerjaan dan hubungannya dengan jumlah pendapatan. Seperti yang telah diperkatakan di bahagian awal lagi, bahawa aspek-aspek pendapatan dan kelas adalah saling bertindih.

Secara umumnya, pemberian status kepada anggota-anggota Kampong juga adalah berdasarkan kriteria pendapatan. Namun begitu,

---

(8) Rose, Arnold M. & Caroline B., Sociology: The Study of Human Relations, 3rd edition, Random House Inc., New York 1969, m.s. 595.

(9) Philipps, Bernard S., Sociology: Social Structure and Change, Collier-Macmillan Canada Ltd., Ontario , 1969, m.s. 174.

(10) - ibid - m.s. 174.

kriteria umur juga dititikberatkan di mana anggota-anggota yang lebih tua diberi penghormatan yang lebih dari anggota yang muda. Kedudukan orang tua dalam Kampong berbeza daripada orang muda disebabkan oleh proses sosialisasi yang diberikan kepada seseorang itu supaya menghormati orang tua. Orang tua dianggap telah banyak berpengalaman, "dulu makan garam" dan kedudukan mereka tetap dihormati oleh mereka yang lebih muda.

Penghulu, oleh kerana kedudukannya sebagai pemimpin serta memikul tanggungjawab yang berat, diberi penghormatan atau status yang tinggi. Selain dari penghulu, mereka yang terlibat secara langsung di dalam mana-mana ahli jawatankuasa Kampong atau memegang peranan didalamnya juga diberi status tinggi. Ini adalah kerana mereka dianggap sebagai pemaju Kampong serta akan menaikkan imej Kampong supaya setanding dengan lain-lain Kampong.

Orang-orang yang dikatakan kuat amalan keugamaan seperti Imam, Haji dan orang yang mempunyai pengetahuan yang "tinggi" diberi nilai dan dipandang tinggi oleh komuniti Kampong.

Penghormatan tinggi juga dirasai oleh kaum guru, yang di samping tugas utamanya memberi tunjuk-ajar kepada anak-anak sekolah, juga berperanan sebagai media penghubungan bagi penduduk Kampong ini dengan perkara-perkara yang berlaku di luar khasnya tentang polisi-polisi baru yang dikemukakan atau dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi kemajuan Kampong mereka. Kalangan guru-guru ini terdiri dari pemimpin-pemimpin baru di Kampong tersebut. Penduduk-penduduk sering bertanyakan atau meminta bantuan dari "cikgu" ini tentang apa saja perkara yang tidak difahami dan penjelasan serta pendapat yang didapati daripada mereka ini

sesungguhnya amat disanjung tinggi oleh kaum penduduk yang tidak berpelajaran itu.

Di kalangan para nelayan pula, asas yang mengkategorikan masyarakat ialah peranan individu dalam satu-satu bot. Taikong atau jeragan sebagai pemimpin adalah mempunyai status yang tinggi dari seseorang awak-awak. Taikong adalah ketua dalam organisasi pekerjaan satu-satu unit pukat dan bertanggungjawab atas semua perkara dalam aktiviti-aktiviti perusahaan menangkap ikan. Peranan dan tanggungjawab ini menyebabkan ia menerima jumlah pendapatan yang tinggi (iaitu, sebahagi daripada hasil pengeluaran), lebih dari yang diterima oleh anggota-anggota yang seunit dengannya.

Golongan awak-awak mendapat status yang paling rendah sekali. Mereka adalah terdiri dari pekerja-pekerja biasa. Mereka tiada mempunyai apa-apa pemilikan. Pendapatan mereka adalah rendah dan ini bergantung kepada jumlah hasil pengeluaran yang diperolehi.

Faktor pemilikan juga dianggap sebagai faktor penentu status yang tidak kurang pentingnya dalam masyarakat ini. Umpamanya, seorang nelayan yang mempunyai keadaan rumah yang lengkap dengan perabotnya dianggap berstatus tinggi. Mereka dimuliai dan disegani khasnya berdasarkan sebab keupayaan mereka untuk membantu orang lain di kala keadaan terdesak. Mereka ini selalunya juga memainkan peranan penting di dalam Kampong, umpamanya menjadi ahli di dalam jawatankuasa Kampong ataupun ahli dalam persatuan nelayan. Begitu juga dengan pemilikan pukat-pukat dan bot-bot menjadi asas dalam mengkategorikan anggota-anggota dalam masyarakat tersebut ke dalam status yang tertentu. Trend yang nyata ialah mereka yang

mempunyai milikan bot dan pukat sendiri berkeupayaan untuk mendapati status yang lebih tinggi dan membaiki taraf kehidupan mereka serta mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka. Sementara mereka yang hanya menjalankan bot kepunyaan orang lain adalah lebih teruk kedudukan sosio-ekonomi mereka. Justeru itu, mereka memperlihatkan gaya kehidupan yang rendah.

Ely Chinoy mengatakan, "When occupations are themselves raked, they tend to follow an order that is closely tied to income, wealth and on the whole, the amount of formal education and skill they require and the degree of authority and responsibility they carry".(11)

Jadi walaupun ada faktor-faktor lain yang menentukan status seseorang, faktor pekerjaan adalah menjadi asas utama yang mengujudkan status dalam masyarakat ini. Walaubagaimanapun, meskipun pendapatan dan status merupakan faktor terpenting dalam stratifikasi masyarakat tetapi terdapat juga lain-lain unsur yang menguatkan kehirakian masyarakat ini dalam peringkat-peringkat yang tertentu. Misalnya, faktor kuasa dan pemilikan modal yang banyak menyebabkan seseorang itu berada atau diletakkan ke dalam lapisan dan diberikan status yang tertentu. Anggota dalam satu komuniti atau masyarakat diperingkatkan juga mengikut asas-asas pekerjaan, sumber pendapatan dan jenis rumah kediaman.

Pernyataan tinggi-rendah mereka yang telah diterangkan itu boleh diperhatikan juga daripada perlakuan orang-orang biasa terhadap mereka yang dihormati dan dipandang tinggi itu. Misalnya, bila diadakan

---

(11) Ely Chinoy, Society: An Introduction to Sociology, Random House, New York, 1967 m.s. 193.

kenduri atau majlis keramaian orang-orang itu mendapat penghormatan yang berbeza daripada orang biasa. Apabila mereka tiba pada tempat jamuan, sambutan yang diberikan adalah berlainan daripada orang-orang lain. Begitu juga dapat diperhatikan golongan yang dihormati itu biasanya berbual dengan orang-orang yang dianggap setaraf. Jelas terdapat perbezaan layanan antara yang dihormati dan dipandang tinggi dengan orang biasa.

Walaupun begitu, perhubungan dan pergaulan di antara penduduk Kampong adalah rapat. Mereka saling tolong-menolong dipergentingan. Umpamanya, mereka yang memerlukan sentiasa dapat kemudahan berhutang dari sahabat-handai. Masing-masing sentiasa mengambil tahu tentang kehidupan yang lain dan sentiasa pula memberi pertolongan apabila ada sakit-demam, kenduri-kendara atau kematian. Kedudukan rumah-rumah mereka yang berdekatan membolehkan perhubungan mesra berterusan. Maka jarak sosial antara mereka yang berada dan yang tidak berada tidak begitu ketara.

<u>Mobiliti Penduduk</u>

Membicarakan susunlapis sosial perlu juga dibicarakan mobiliti sosial dalam komuniti itu. Pengertian mobiliti ialah proses perubahan kedudukan atau tempat kepada kedudukan atau tempat yang baharu. Mobiliti tempat atau "Geographical mobility" ialah perpindahan daripada satu tempat ke tempat yang baharu, manakala mobiliti kedudukan sosial atau "Social mobility" ialah perubahan daripada satu kedudukan sosial kepada kedudukan yang lain. Mobiliti menegak (upward) ialah perubahan kedudukan seseorang kepada kedudukan yang lebih baik, sementara mobiliti menurun (downward) ialah perubahan kedudukan seseorang kepada kedudukan yang lebih rendah.

Mobiliti menegak bagi nelayan jarang berlaku. Terdapat beberapa orang nelayan yang pernah mengalami mobiliti menegak, iaitu daripada awak-awak biasa kepada golongan yang berada. Seorang daripada nelayan yang memiliki bot dan pukat telah memberitahu bahawa beliau pada permulaannya hanya menjalani bot sewaan seorang tawkeh. Oleh sebab rajin, usaha dan berjimat cermat dapat mengumpul wang sehingga dapat memberi pukat dan bot dan sekarang beliau menjadi jeragan. Dengan itu telah mengubah kedudukannya kepada nelayan yang berada.(12)

Yang lebih kerap berlaku di kalangan nelayan ialah mobiliti menurun. Kehidupan seseorang nelayan itu bertambah merosot apabila kehilangan harta disebab kesempitan hidup atau sebab yang tidak dapat dijangka.

Mobiliti tempat khususnya berlaku di kalangan pemuda-pemuda yang keluar dari Kampong dan bekerja di tempat-tempat lain kerana kurangnya peluang pekerjaan di Kampong. Pergerakan keluar ini adalah mencerminkan daya penarik yang kuat oleh kawasan destinasi yang sebaliknya mencerminkan beberapa masalah dan petanda yang terdapat di Kampong asal para penghijrah. Di antara alasan yang diberi adalah sosial dan ekonomik seperti perkahwinan, pelajaran dan pekerjaan. Usaha mencari pekerjaan merupakan daya penarik yang paling kuat yang menyebabkan migrasi keluar.

---

(12) Nelayan yang tidak berada terpaksa mengumpul harta dalam masa yang lama untuk membolehkan mereka mobiliti ke atas. Seseorang itu terpaksa tekun dan rajin berusaha, berjimat-cermat dan tabah mengumpul harta untuk meninggikan kedudukannya dalam komuniti.

Dengan itu penduduk luarbandar kehilangan orang-orang muda yang bertenaga.[13] Terdapat juga orang-orang Kampong berhijrah keluar sebab terlalu sunyi di Kampong terutama penghijrah-penghijrah tua yang terpaksa berhijrah keluar untuk turut tinggal bersama anak-anak mereka yang menetap di tempat lain seperti Miri misalnya. Selain dari itu, ada anak muda yang terpaksa berhijrah keluar atas sebab-sebab pelajaran, misalnya menyambung pelajaran lebih tinggi. Terdapat bilangan dua orang yang berhijrah ke Kuching dan Sibu atas sebab masuk maktab perguruan. Ini boleh dikatakan bersifat sementara tetapi mereka pasti tidak akan balik bekerja di Kampong sendiri atas ketiadaan kemudahan di sana. Ini boleh juga dianggap kekal memandangkan dua orang ini setelah tamat pengajian akan bekerja di tempat lain. Destinasi yang sering menjadi tumpuan para penghijrah ialah Kuching, Miri, Niah dan lain-lain kawasan sekitar. Jadi faktor sosial dan faktor ekonomilah yang menolak dan menarik penghijrah keluar Kampong.

---

(13) Ooi Jin Bee, <u>Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu</u>, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1968, m.s. 155-157.

## BAB 5

## PENUTUP: PROSPEK DAN MASALAH PEMBANGUNAN DALAM PERUSAHAAN PERIKANAN DI KAMPONG JEPAK

Masalah pembangunan dalam perusahaan perikanan di Kampong Jepak bukanlah mencerminkan masalah tersendiri atau terkhusus kepada Kampong tersebut saja, bahkan juga benar bagi keseluruhan sektor perikanan di negeri Sarawak. Setengahnya pula juga benar bagi keadaan di Semenanjung Malaysia. Pembangunan perikanan adalah dari beberapa segi lebih susah dari pembangunan pertanian berasaskan tanah. Perikanan itu adalah sumber semulajadi yang merupakan hak semua. Adalah menimbulkan masalah bagi sebarang pihak berkuasa untuk mengawal dengan jayanya kemasukan ke bidang perikanan sebagai mata pencarian. Di Semenanjung Malaysia, perkembangan yang tidak terkawal mengakibatkan kejadian "economic overfishing". Keadaan sebegini walaupun belum lagi terjadi di Sarawak pada amnya, tapi dalam jangkamasa yang akan datang akan berlaku kerana masalah ini sesemangnya sukar untuk dielakkan. Pelancaran peraturan-peraturan perikanan adalah mahal, terutama di negeri seperti Sarawak yang mempunyai kawasan pantai yang seakan sama panjangnya dengan keseluruhan pantai barat Semenanjung Malaysia. Pelancaran yang penuh dan berkesan akan melibatkan pengawalan ketat, memerlukan bot-bot yang cukup dan laju untuk merangkumi kawalan di semua kawasan perikanan.

Kekurangan pengetahuan mengenai sumber perikanan itu sendiri adalah juga masalah pembangunan dalam sektor perikanan di negeri ini. Hingga ke akhir-akhir ini, usaha penyelidikan dalam bidang perikanan laut

University of Malaya

adalah terlalu sedikit dan banyak aspek-aspek penting seperti saiz sumber; variasi dalam penawaran bagi ikan-ikan tertentu, kesan alat perikanan di atas sumber perikanan dan pendapatan maksima bagi tiap-alat belum diselidiki dengan mendalam.Kekurangan pengetahuan mengenai perikanan menyekat perkembangan sektor tersebut.

Satu lagi masalah pembangunan perikanan yang harus dipertimbangkan ialah pulangan ekonomi yang rendah bagi infrastruktur fisikal yang disediakan oleh kerajaan. Bandingkan misalnya pulangan ekonomi bagi skim parit dan taliair yang membolehkan tanaman padi dua musim atau dua kali setahun dengan skim perikanan seperti penyediaan "cold-rooms and storages", jeti-jeti dan pelabuhan-pelabuhan perikanan yang sungguhpun berguna tidak semestinya menghasil tambahan dalam pendaratan ikan. Memang diakui bahawa pihak kerajaan telah membuktikan secara berkesan penyediaan infrastruktur fisikal untuk pembangunan luarbandar. Di Sarawak, jumlah sebanyak \$2,449,000[1] yang telah dibelanjakan untuk projek-projek pembinaan jeti, kompleks penyejukan, blok penyelidikan di Bintawa dan sebagainya, tetapi segalanya masih lagi menunjukkan kepulangan ekonomi yang rendah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan dalam sektor perikanan dalam konteks negeri Sarawak adalah satu-satunya yang paling memaparkan banyak masalah dalam target pembangunan pertanian. Keadaan tersebut adalah akibat daripada kegagalan dalam polisi-polisi perikanan. Di samping itu, faktor-faktor politik dan pentadbiran juga menimbulkan beberapa masalah dalam perkembangan ekonomi dan sosial perusahaan perikanan di negeri ini.

---

(1) Kompilasi Lapuran Jabatan Perikanan Laut Sarawak.

University of Malaya

Daripada perbincangan-perbincangan yang telah diutarakan di atas, dapat dikesan beberapa masalah yang berkaitan dengan pembangunan perusahaan perikanan di Kampong Jepak ini. Masalah-masalah yang utama ialah masalah pemasaran yang dikawal oleh orang-tengah, masalah yang ditimbulkan oleh polisi kerajaan dalam membangunkan sektor perikanan diperingkat negeri dan di daerah Bintulu dan masalah yang timbul akibat sikap nelayan itu sendiri terhadap pembangunan.

<u>Polisi Kerajaan terhadap Pembangunan Perikanan</u>

Polisi pembangunan dalam sektor perikanan adalah ikutan dari kesedaran kerajaan tentang perlunya mengawal bilangan nelayan-nelayan yang makin bertambah dan aktiviti perikanan yang semakin pesat di negeri ini. Langkah awal merupakan penyediaan bantuan samada dalam bentuk subsidi atau pemberian terus (geran) untuk membeli alat-alat perikanan menerusi ajensi-ajensi tertentu atau pejabat-pejabat perikanan. Kemudian, bantuan seperti ini disalurkan menerusi persatuan-persatuan nelayan. Setakat ini terdapat empat persatuan nelayan dan sebuah syarikat usaha bersama Majuikan di Sarawak. Syarikat kerjasama ini walaubagaimanapun telah dimansuhkan setelah mengalami kerugian yang menyebabkan pengistiharaan bankrupsi dalam tahun 1972.

Persatuan nelayan ditubuhkan untuk memajukan kepentingan ekonomi dan masyarakat atau kesentosaan ahli-ahli dengan jalan mereka mengambil bahagian secara langsung dalam gerakan-gerakan persatuan. Untuk menjayakan persatuan nelayan, beberapa kemudahan seperti jeti-jeti dan lain-lain kemudahan menangkap ikan disediakan di samping memberi

pinjaman untuk membeli alat perikanan dan modal kerja. Namun demikian, penubuhan persatuan nelayan sebagai salah satu polisi yang diamalkan di negeri ini telah gagal. Kegagalan ini sebahagian besarnya terletak pada administrasi yang kurang cermat, kekurangan kakitangan dan ahli yang mahir untuk melancarkan projek-projek. Dalam kes persatuan nelayan di Bintulu misalnya, di kalangan ahlinya sendiri atau di kalangan para nelayan khasnya tidak terdapat sokongan yang sepenuhnya diberikan kepada pihak persatuan tersebut. Ini jelas ternyata di mana ada di antara ahli-ahli yang masih lagi berhubung rapat dengan orang-orang tengah dan seterusnya menjual hasil tangkapan kepada mereka ini walhal mereka diwajibkan menjual kepada pihak persatuan. Meskipun persatuan tersebut dapat mengawal kumpulan hasil pendaratan tetapi dari segi pemasaran masih lagi kuat dipengaruhi oleh golongan orang tengah atau tawkeh-tawkeh. "Several studies done show that the close relationship between fishermen, boat-owners and the financier/traders is perpetuated to ensure that a regular supply of fish will be provided to the financiers/traders".[2] Golongan orang tengah memang sering dikatakan sebagai punca masalah pemasaran. "....the middlemen have been charged with seducing the fishermen to sell them and evade their responsibilities to repay government loans".[3]

---

(2) Jahara Yahaya, "Some Implications of the Fishermen's subsidy scheme in Peninsular Malaysia" didalam L.J. Fredericks, Proceeding of the Seminar on the development of the fisheries sector in Malaysia, Kajian Ekonomi Malaysia, Vol.XIII Nos. 1 & 2, Jun/Dec 1976 m.s. 77.

(3) G.R. Elliston, "Some factors which may explain the failure of some government aid schemes for fishermen" di dalam L.J. Fredericks, Proceeding of the Seminar on the development of the fisheries sector in Malaysia, Kajian Ekonomi Malaysia Vol. XIII Nos. 1 & 2 Jun/Dec 1976 m.s. 125

Dalam setengah kes memang benar golongan orang tengah ini mengeksploitasikan para nelayan. Sebagai contoh, sewaktu penimbangan hasil tangkapan dibuat para nelayan tidak bersama mengendalikannya. Di waktu ini mereka diberi sedikit duit ("duit kopi") dan disuruh berihat sambil minum kopi di kedai berhampiran. Orang tengah telah mengambil kesempatan dari keadaan ini untuk menipu berat timbangan.

Di samping itu, pengkaji mendapati orang-orang tengah ini telah mengadakan "counter measure" terhadap persatuan nelayan yang cuba menguasai pemasaran perikanan. Mereka telah cuba menarik para nelayan agar tetap menjual tangkapan kepada mereka. Ini dilakukan dengan penyerahan hak-milik bot-bot yang dulunya disewakan kepada nelayan secara bayaran ansur. Tetapi, syarat yang dikenakan ialah dalam tempoh tersebut, hasil tangkapan hendaklah dijualkan kepada mereka.

Mengikut G.R. Elliston, golongan orang tengah tidak harus dipersalahkan saja atas kegagalan perlaksanaan skim-skim yang dirancangkan kerana kegagalan skim-skim tersebut sedikit-sebanyak adalah bersebab dari kelemahan pihak perancang. "This is inevitable because the pace of development, and sometimes political pressures, have not always allowed sufficient time to obtain a sufficiently detailed knowledge of the problems and management of existing fisheries before the plans were formulated".(4)

Dari segi lain, sebarang kegiatan atau rancangan persatuan nelayan di Bintulu haruslah terlebih dahulu mendapat kelulusan dari pihak

---

(4) - ibid - m.s. 125.

ibu pejabat bahagian di Miri. Selain dari itu, penumpuan kemudahan-kemudahan mustahak bagi para nelayan seperti kilang ais adalah di Miri sedangkan jika dibanding dari segi pendaratan ikan sekarang ini, Bintulu menampakkan jumlah pendaratan yang lebih. Kemudahan yang diperlu oleh para nelayan di kawasan ini, iaitu, kilang ais dan stesen minyak khas masih belum dilaksanakan. Mengikut pejabat Majuikan di sini, rancangan untuk membina kemudahan-kemudahan tersebut masih menunggu kelulusan dari pihak ibu pejabat di Kuala Lumpur. Pembinaannya mungkin hanya akan dilakukan dalam tahun 1980, iaitu tahun terakhir Rancangan Malaysia Ketiga. Mungkin juga rancangan ini akan dimasuk ke dalam Rancangan Malaysia Keempat. Kelambatan begini sudah semestinya akan mempengaruhi kesempurnaan perusahaan perikanan di kawasan Bintulu amnya dan di Kampong Jepak khasnya.

Masalah pembangunan dalam sektor perikanan juga lahir dari sikap dan polisi kerajaan yang terlalu cenderung atau "bias"kepada perkembangan sektor bukan perikanan. Satu bukti yang jelas yang menunjukkan tekanan rendah dalam sektor perikanan misalnya ialah peruntukan sebanyak hanya $39.79 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua di mana hanya $2.5 juta sahaja diperuntukkan kepada Sarawak, iaitu 6% jumlah semua. Sungguhpun jumlah lebih banyak, $275.734 juta diperuntukkan kepada perikanan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, ini hanya merupakan 1.5% jumlah pelan peruntukkan di mana seperti juga dalam Rancangan Malaysia Kedua, hanya peratusan kecil sahaja diperuntukkan kepada sektor perikanan di Sarawak oleh kerajaan pusat. Sikap "bias" begini mempengaruhi perkembangan perusahaan perikanan di negeri ini.

Sikap Nelayan Terhadap Pembangunan

Jaya atau gagalnya sesuatu rancangan pembangunan bukan sahaja terletak pada polisi yang diamalkan malahan juga pada sikap komuniti atau masyarakat yang hendak dibangunkan. Setengah polisi misalnya adalah bertentangan dengan amalan mereka atau kehendak mereka. Bagaimanapun penentangan ini mungkin disebabkan ketidakfahaman komuniti tersebut mengenai konsep pembangunan ataupun dasar-dasar kerajaan.

Persatuan nelayan didirikan untuk mengawal aktiviti perikanan dan meninggikan pendapatan nelayan serta meninggikan taraf hidup mereka. Persatuan nelayan pada kacamata nelayan adalah suatu badan yang terlalu susah pentadbirannya dan sukar dimengertikan. Bagi mereka adalah lebih senang dan lebih selesa sistem pemasaran dan sistem kredit yang mereka amalkan dengan tawkeh Cina dikekalkan. Ini disebabkan oleh beberapa faktor. Masyarakat ini telah lama berurusniaga dengan tawkeh-tawkeh ini. Peminjaman kredit dan bantuan dari tawkeh Cina telah mengeratkan perhubungan mereka. Di samping itu, telah ujud semacam pergantungan antara nelayan dan orang tengah ini. Disinilah prinsip "termakan budi" yang terdapat di kalangan para nelayan telah menghalang mereka dari memutuskan perhubungan tersebut. Sementara di dalam persatuan nelayan pula, sistem pemasaran dan kredit terpaksa melalui beberapa saluran. Ini hanya akan melambat-lambatkan aktiviti mereka. Inilah sikap negatif nelayan yang menghalang kemajuan mereka.

Majuikan dan Jabatan Perikanan ternyata gagal dalam memutuskan perhubungan nelayan dan orang tengah. Walaupun subsidi diberi, sikap para nelayan masih tidak mahu bekerjasama dengan pihak badan-badan tersebut.

Ini mengakibatkan segala projek mereka untuk membantu para nelayan gagal. Para nelayan masih belum berapa yakin dengan kedua-dua pihak badan tersebut kerana projek-projek fizikal atau kemudahan-kemudahan fizikal masih belum lagi dilaksanakan. Nelayan mungkin akan mengubahkan sikap mereka seandainya kemudahan-kemudahan seperti kilang ais dan stesen minyak dilaksanakan dengan segera.

Rancangan pembangunan sektor perikanan yang paling banyak mendapat sambutan ialah rancangan subsidi dalam apa-apa bentuk. Kajian-luar yang telah pengkaji jalankan jelas menunjukkan kesemua dari para nelayan mahukan kerajaan menyedia lebih banyak subsidi untuk memperbaiki bot, injin dan pukat. Bagi mereka yang tiada milikan, ingin pula memiliki bot sendiri jika diberi subsidi dan bantuan dari pihak kerajaan. Sudah tentu rancangan sebegini rupa akan memerlukan terlalu banyak wang, tetapi peruntukkan yang sedikit bagi sektor perikanan dalam Rancangan Malaysia Ketiga sudah tentu tidak dapat menerima permintaan ini. Tetapi inilah dia sesuatu yang harus dipertimbangkan dalam rancangan pembangunan perikanan. Setengah nelayan pula tidak puas hati dengan cara subsidi dibahagikan kepada nelayan. Pemilihan orang yang layak menerima subsidi adalah difikirkan mereka terlalu tidak adil. Salah seorang nelayan berkata, "ada ketikanya orang kaya diberi subsidi, orang miskin tidak. Selain dari itu, ada kala pula orang yang mempunyai kenalan di kalangan pegawai Jabatan Perikanan atau Majuikan dengan mudah mendapat subsidi. Mana adilnya"? Jelaslah bahawa terdapatnya konflik antara nelayan dan pihak Jabatan Perikanan yang mengakibatkan kegagalan projek dilaksanakan dengan lancar.

Prospek Pembangunan

Untuk menilaikan prospek pembangunan perusahaan perikanan di daerah Bintulu amnya dan di Kampong Jepak khasnya adalah perlu dirujuk kepada beberapa perkara tertentu yang berkaitan dengan sektor perikanan. Kalau dirujuk kepada kekayaan kawasan perairan perikanan para nelayan di Kampong Jepak, bahawa kawasan perairan mereka sememangnya kaya dengan sumber ikan. Jelasnya, sumber ikan itu tersedia ada untuk dieksploitasikan dan keadaan "over-fishing" belum berlaku di Sarawak.

Dari segi rancangan-rancangan kemajuan yang dirancangkan untuk mengatasi segala masalah, ternyata masalah penglibatan orang tengah yang telah berperanan penting selama ini masih belum dapat diatasi dengan sepenuhnya. Ini adalah kerana memandangkan sikap para nelayan yang lebih suka mengamalkan sistem bertawkeh dari sistem yang dirangkumi dalam persatuan nelayan. Satu alasan yang harus dipertimbangkan ialah, para nelayan pada ketika terdesak memerlukan bantuan dan mereka lebih senang mendapatkan pinjaman dari tawkeh-tawkeh tanpa banyak soal-jawab, sedangkan untuk mendapat pinjaman dari pihak Jabatan Perikanan atau Majuikan mereka perlu membuat pengakuan dan melalui berbagai-bagai "formalities".sebelum pinjaman diberi. Keadaan sebegini mengukuhkan perhubungan mereka dengan tawkeh-tawkeh. Meskipun persatuan nelayan ditubuhkan yang ditujukan khas kepada masalah ini, ianya juga mempunyai kelemahan dan menyumbang kepada kegagalan untuk mengatasi masalah orang tengah tersebut. "Even to date, the fishermen's cooperative movement generally is still financially, technically, structurally and managerially too weak to be of much assistance

University of Malaya

to the fishermen's marketing efforts".[5] D.S. Gibbons[6] yang telah menganalisakan aspek ini mengakui bahawa percubaan untuk meninggikan taraf ekonomi nelayan melalui persatuan dan koperatif telah gagal dan ini adalah benar bagi Semenanjung Malaysia. Walaubagaimanapun, adalah sudah menjadi polisi kerajaan untuk memberi bantuan melalui persatuan-persatuan dan koperatif. Dalam kes persatuan nelayan di Bintulu, walaupun ianya telah tidak begitu berkesan seperti yang diharapkan, tetapi ianya masih dapat menarik sebilangan besar daripada para nelayan dan ini adalah kerana adanya beberapa orang nelayan yang menjadi "model" di mana kejayaan mereka meninggikan pendapatan dan seterusnya kedudukan sosio-ekonomi mereka adalah atas subsidi kerajaan. Dengan adanya contoh-contoh sebegini di mana pendapatan mereka adalah tidak kurang dari $500 sebulan, lebih-lebih lagi bagi mereka yang menjalankan kegiatan pukat tunda, dengan ini sektor perikanan dilihat sebagai menguntungkan. Pihak jabatan perikanan dan Majuikan telah berusaha untuk menggalakkan lebih ramai lagi bergiat dalam lapangan perikanan ini dan apabila projek kilang ais dan stesen minyak yang dijanjikan itu dilaksanakan, mungkin ini akan menambahkan lagi bilangan nelayan di kawasan ini. Namun demikian, ada juga yang tidak tertarik dengan pendapatan yang nyatanya lumayan di bidang tersebut dengan

---

(5) Lim Chong Keat, "A general review of fish marketing problems in the East Coast of Peninsular Malaysia" didalam L.J. Fredericks, Proceeding of the seminar on the development of fisheries sector in Malaysia, Kajian Ekonomi Malaysia Vol. XIII Nos. 1 & 2, Jun/Dec 1976, m.s. 230.

(6) D.S. Gibbons, 1977, "Public policy towards fisheries development in Malaysia. A critical review emphasizing Penang and Kedah", Paper presented in the Seminar on the development of fishing sector in Malaysia, January.

alasan bahawa ianya tidak tetap tetapi bergantung kepada musim. Tambahan pula, dengan adanya lain-lain projek kerajaan yang sedang dan akan dilaksanakan di kawasan Bintulu ini, misalnya projek gas cecair asli, telah menarik pula sedikit-sebanyak buruhnya di kalangan para nelayan termasuk dari Kampong Jepak. Tawaran gaji yang sederhana tinggi dan tetap adalah asas penarikan ini. Walaupun begitu, ini tidak akan menjejaskan perkembangan sektor perikanan di Sarawak pada keseluruhannya dan juga di kawasan Bintulu khasnya.

Mengikut Pegawai Kemajuan Koperasi Nelayan Majuikan,[7] negeri Sarawak akan mendapat peruntukan $7.880 juta dari Majuikan untuk rancangan pembangunan bagi 8,000 orang nelayan di negeri itu di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan tersebut termasuklah membina dua buah bot pukat tunda (80 tan), 100 buah bot serbaguna (10 tan), membina tambahan pejabat koperasi nelayan, lima buah rumah persinggahan nelayan (packing shed), tujuh mesin membuat air batu, projek mengawet ikan dan peruntukan bagi rancangan launching grant $2.1 juta. Di sini nampaknya pada masa akhir-akhir ini pihak kerajaan telah memberi penekanan tegas ke dalam perkembangan dan pembangunan sektor perikanan. Mengikut pejabat Majuikan di Bintulu, kawasan tersebut juga akan diperkenalkan dengan bot serbaguna, iaitu untuk tujuan penyelidikan, percubaan dan pertunjukan kelengkapan menangkap ikan yang moden. Namun, apa yang masih diragukan ialah keadaan pemasaran perikanan. Apa yang diharapkan ialah pihak

---

[7] Encik Endut Mohd Ali memberitahu Utusan Malaysia keluaran 10hb Ogos, 1978.

kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih ke dalam aspek ini di samping mengeluarkan subsidi kepada para nelayan supaya aktiviti orang-tengah dapat dikawal dengan sepenuhnya.

Mengikut satu lapuran,(8) perancangan dan usaha-usaha memajukan perusahaan perikanan yang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang telah menghasilkan catitan ekspot melebihi 4,100 tan ikan dan hasil-hasil ikan yang bernilai $21.9 juta dalam tahun 1977.(9) Prospek bagi sektor perikanan di Sarawak untuk berkembang adalah cerah dan kawasan Bintulu boleh dianggap sebagai kawasan yang mempunyai potensi untuk maju. Bahkan dengan kemajuan ini kelak akan dapat meningkatkan pendapatan dan taraf sosio-ekonomi para nelayan, iaitu salah satu komponen masyarakat tani yang telah lama jauh ketinggalan. Dengan bantuan serta pengawasan kerajaan, apabila kemajuan dicapai maka akan tercapailah salah satu daripada matlamat kerajaan, iaitu membasmikan kemiskinan.

---

(8) Sarawak Terus Membangun - yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Negeri Sarawak.

(9) Jumlah tersebut menjadikan lebihan perdagangan ikan berjumlah $17.4 juta. Ianya adalah lebih $7 juta dari lebihan dalam tahun 1976.

University of Malaya

## BIBLIOGRAFI

Buku-Buku dan Makalah-Makalah:

Bell, Martin L., Marketing, Concept and Strategy, London, Macmillan Ltd., 1966.

Bottomore, T.B., Class in Modern Society, George Allen and Unwin Ltd., London 1976.

Ely Chinoy, Society: An Introduction to Sociology, Random House, New York, 1967.

Firth, Raymond, Malay Fishermen: Their Peasant Economy, Routledge & Kegan Paul Ltd., 1966.

Firth, Rosemary, Housekeeping Among Malay Peasants, Athlone Press, 1966.

Firth & Yamey, Capital, Saving and Credit in Peasant Societies, Aldine Publishing Co.

G.R. Munro & Chee Kim Loy, The Economics of Fishing and the Developing World: A Malaysian Case Study, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1978.

H.M. Dahlan, The Nascent Malaysian Society, Developments, Trends and Problems, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

H.M. Johnson, Sociology: A Systematic Introduction, Routledge & Kegan Paul Ltd., London, 1968.

Ooi Jin Bee, Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.

Parsons Talcott, "An Analytical Approach to the Theory of Social Stratification", dalam Essays in Sociological Theory, Revised Edition, Free Press of Glencoe.

Parsons Talcott, The Social System, Routledge & Kegan Paul Ltd., London, 1974.

Philipps, Bernard S, Sociology: Social Structure and Change, Collier-Macmillan Canada Ltd.

Potter J.M., Diaz M.N., Foster G.M. (eds.), Peasant Society, A Reader, Little Brown & Co., Boston, 1967.

Redfield, The Little Community Peasant Society and Culture, Chicago, University of Chicago Press, 1960.

Rose, Arnold M. & Caroline B., Sociology: The Study of Human Relations, 3rd Edition, Random House Inc., New York, 1969.

Smelser, Sociology: An Introduction, John Wiley & Sons Inc.

Syed Husin Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampong di Malaysia, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1977.

Szczepanik, Edward Granciszek, The Economic Role of Middlemen and Cooperatives in Indo-Pacific Fisheries, FAO, Rome 1960.

Tumin, M.M., Social Stratification, The Forms and Functions of Inequality, Prentice Hall, India.

Zainal Kling, Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan, Utusan Publications and Distributers, Kuala Lumpur.

Kertas-Kertas Seminar:

L.J. Fredericks, Proceeding of the Seminar on the development of the fisheries sector in Malaysia, Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. XIII No. 1 & 2, Jun/Dec 1976. Kertas-kertas yang dibentang dan dirujuk:

Elliston, G.R., "Some factors which may explain the failure of some government aid schemes for fishermen".

Dr. Goh Cheng Teik, "The Fishing Conflict in Penang and Kedah - personal memoir".

Gibbons, D.S., "Public Policy towards fisheries development in Malaysia".

Hj. Aziz Ibrahim, "The Development of Fishermen and Their Future".

Jahara Yahya, "Some Implications of the Fishermen's Subsidy Scheme in Peninsular Malaysia".

Lim Chong Keat, "A genrral review of fish marketing problems in the East Coast of Peninsular Malaysia".

Mohd. Dahlan Hj Aman, "Some Problems of Communication in Peasant Fishing Communities in Malaysia".

Sharifah Zaleha Hassan, "Institution Vs Technology in the Fishing Industry: A Case Study".

Elliston, G.R. "The Role of Middlemen in the Fishing Industry of West Malaysia dalam Review of Agricultural Economics Vol. 1, No.2 Dec. 1967.

University of Malaya

Ungku A. Aziz Hamid, Selected Aspects of Rural Development in Malaysia, A discussion Paper for the Conference on Economics Development organised by ECAFE in Bangkok 29 - 31 Jan. 1970.

Ungku Abd. Aziz, Poverty & Rural Development in Malaysia dalam Kajian Ekonomi Malaysia Vol. No.1 Jun 1964.

Latihan-Latihan Ilmiah dan Tesis:

Ahmad Yusuf Ngah, "Masalah Pemasaran didalam Perusahaan Perikanan di Kuala Paka, Trengganu, 1974/75.

Salehuddin Bahari, "Poverty in the Rural Malay Society: A Test of Psychological & Cultural Explanation of Poverty".

Nik Azizah Nik Mustapha, "Kedudukan Sector Perikanan di bawah Dasar Ekonomi Baru (Tinjauan Tentang Kegiatan Perusahaan Perikanan di Kampong Dalam Rhu Tumpat, Kelantan)."

Zamhot Hassan, "Perkampungan Nelayan Chenering, Kuala Trengganu - Satu Kajian Mengenai Struktur Sosial dan Ekonomi", 1974/75.

Abd. Kadir bin Wan Yusoff, M.A. Tesis, Kajian Sosio-Ekonomi Komuniti Nelayan dan Petani, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1974.

Abg. Nawawi Abg. Dahlan, Perusahaan Perikanan Pukat Tunda di Kampong Pusa: Satu Profil Masyarakat Nelayan di Daerah Saribas, Jabatan Geografi, 1978.

Lapuran-Lapuran dan Makalah dari Agensi Kerajaan:

Malaysia, Ministry of Agriculture and Fisheries, Pejabat Perikanan.

Lapuran tahun 1972

Lapuran tahun 1973

Lapuran tahun 1974

Lapuran tahun 1975

Lapuran tahun 1976.

Sarawak, Lapuran Jabatan Tanah dan Ukur (1960-65).

Dialog No.6 Jun 1976 diterbitkan oleh Pusat Pembangunan Malaysia Cawangan Sabah & Sarawak, Bahagian Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am.

Akhbar-Akhbar:

Utusan Malaysia Keluaran 10 Ogos 1978.

Utusan Malaysia Keluaran 28 Ogos 1978.

Berita Harian Keluaran 10 Nov. 1979.

University of Malaya

**QUESTIONNAIRES/SOAL SELIDIK**

(I) Butir Diri

Berapa lama sudah menjadi nelayan?

Sebab-sebab menjadi nelayan?

Pekerjaan sebelum ini/Pekerjaan lain?

Kebolehan: (a) membaca: Melayu/Cina/Inggeris/Jawi
(b) menulis: Melayu/Cina/Inggeris/Jawi
(c) bertutur: Melayu/Cina/Inggeris/Jawi

Persekolahan: Sekolah Melayu/Cina/Inggeris.

Lulus darjah berapa?

Anggota Rumah: (a) Anak: Lelaki ______ orang, Perempuan _____ orang
(b) Saudara-mara: Lelaki ______ orang, Perempuan _____ orang

Berapa orangkah anak anda yang bersekolah? Umur ______ tahun.

Darjah berapa/Lulus Darjah berapa?

(II) Pekerjaan, Pendapatan & Perbelanjaan

Pekerjaan anda: ____________________

Pendapatan sebulan: ________________

Punca-punca pendapatan lain: __________________________

Ada bercucuk tanam? Apa ditanam/Jenis tanaman? Berapa ekar tanah?

University of Malaya

Pendapatan dari sini, kalau ada? Berapa?

Perbelanjaan sebulan, berapa? Perbelanjaan untuk apa?

(III) Pemilikan Modal

Adakah anda memiliki bot, perahu/pukat? Berapa buah?

Berapa kekuatan injinnya? Berapa harganya?

Dari mana anda dapat wang membelinya?

Pukat jenis apa yang dijalankan?

Berapa bidang/golong? Berapa harganya?

Harta-harta lain

Adakah anda memiliki harta-harta lain, seperti kebun?

Kalau ada, berapa ekar besarnya?

Tanah? ______________

Adakah tanah yang anda kerjakan itu tanah anda sendiri?

Bagaimana dapat tanah tersebut? Pusaka/Beli/Sewa.

Adakah hasilnya untuk kegunaan sendiri atau untuk jualan?

Adakah anda mewarisi apa-apa harta?

(i) Rumah?

(ii) Bot?

(iii) Tanah?

(iv) Harta-harta lain.

University of Malaya

(IV) <u>Usaha-usaha untuk memajukan diri sendiri</u>

(a) Adakah tidak anda membuat simpanan?

(b) Berapa banyakkah simpanan?

(c) Apakah tujuan anda menyimpan?

(d) Pada musim tengkujuh, bagaimana menyara diri?

(e) Pernahkah anda cuba meminjam dari:

(i) Saudara mara (ii) Bank

Berjaya atau tidak?

Kalau ada meminjam, bagaimana dengan bayaran?

(f) Pernahkah anda mendapat bantuan dari Jabatan Perikanan/ Pertubuhan Nelayan/Majuikan?

Kalau ada, bantuan dalam bentuk apa?

Kalau subsidi, berapa banyaknya?

Bila anda mendapat bantuan tersebut?

(g) Adakah anda menjadi ahli persatuan nelayan?

Kalau menjadi ahli, sejak tahun berapa?

Adakah anda memegang apa-apa jawatan di dalam persatuan tersebut?

(V) <u>Sikap</u>

(a) Apakah pendapat anda tentang masalah yang dihadapi oleh para nelayan? Apakah masalah utamanya?

University of Malaya

(b) Apakah pendapat anda tentang bantuan dari Jabatan Perikanan? Ada mendapat bantuan atau tidak? Ada memasukki Persatuan Nelayan/tidak?

(c) Pada fikiran anda, adakah pendapatan anda mencukupi? Adakah isteri anda bekerja? Kalau ada, di mana?

(d) Adakah ahli-ahli rumah anda yang juga menjadi nelayan? Berapa orang?

(e) Adakah anda memberi galakan kepada anak/saudara mara untuk turut serta menjadi nelayan?

(f) Apakah kemudahan yang anda fikir perlu dikemukakan untuk kebaikan perusahaan ini?

University of Malaya

LAMPIRAN A

**Bilangan Nelayan-Nelayan (Sepenuhmasa & Separuhmasa) di Kawasan Bintulu antara tahun 1970-76**

| Kawasan | Tahun | Nelayan Sepenuhmasa | Nelayan Separuhmasa | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Bintulu | 1970 | 170 | 287 | 457 |
| | 1971 | 239 | 220 | 459 |
| | 1972 | 254 | 242 | 496 |
| | 1973 | 264 | 252 | 516 |
| | 1974 | 377 | 156 | 533 |
| | 1975 | 474 | 137 | 611 |
| | 1976 | 430 | 92 | 522 |

Sumber: Kompilasi dari Lapuran JPL, Sarawak.

**Bilangan Nelayan-Nelayan (Sepenuhmasa & Separuhmasa) di Bahagian Keempat, Sarawak**

| Bahagian | Tahun | Nelayan Sepenuhmasa | Nelayan Separuhmasa | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Keempat | 1970 | 305 | 421 | 726 |
| | 1971 | 353 | 312 | 665 |
| | 1972 | 365 | 354 | 719 |
| | 1973 | 412 | 367 | 779 |
| | 1974 | 579 | 286 | 865 |
| | 1975 | 695 | 284 | 979 |
| | 1976 | 679 | 248 | 927 |

Sumber: Kompilasi dari Lapuran JPL, Sarawak.

University of Malaya

LAMPIRAN B

**Jumlah Pendaratan Ikan di Bintulu antara tahun 1970-76**

| Kawasan | Tahun | Jumlah Pendaratan (dalam picul) |
|---|---|---|
| Bintulu | 1970 | 4,828 |
| | 1971 | 6,962 |
| | 1972 | 7,064 |
| | 1973 | 25,336 |
| | 1974 | 29,563 |
| | 1975 | 34,848 |
| | 1976 | 43,270 |

Sumber: Kompilasi dari Lapuran JPL, Sarawak.

**Jumlah Pendaratan Ikan di Bahagian Keempat, Sarawak antara tahun 1970-76**

| Bahagian | Tahun | Jumlah Pendaratan (dalam picul) |
|---|---|---|
| Keempat | 1970 | 21,296 |
| | 1971 | 27,225 |
| | 1972 | 21,464 |
| | 1973 | 58,508 |
| | 1974 | 62,546 |
| | 1975 | 59,547 |
| | 1976 | 75,708 |

Sumber: Kompilasi dari Lapuran JPL, Sarawak.

University of Malaya

# Majuikan luas skim kawalan pasaran ikan di bandar2 besar

KUALA LUMPUR 27 Ogos — Majuikan akan meluaskan skim kawalan pemasaran ikannya ke semua bandar-bandar besar di Malaysia untuk mempastikan pulangan yang adil kepada nelayan dan mendapatkan harga yang saksama bagi pengguna.

Pengerusi Majuikan, Datuk Nik Hassan Haji Abdul Rahman berkata skim itu akan dilaksanakan berperingkat-peringkat kerana setiap buah negeri atau bandar menghadapi masalah dan sumbernya yang tersendiri.

Skim itu, yang termasuk mengawal dan mengeluarkan lesen kepada pemborong dan peniaga lain, telahpun berjalan buat beberapa waktu di Kuala Lumpur, Ipoh, Kuala Trengganu dan Johor Bharu.

Pegawai-pegawai Majuikan di negeri-negeri lain, dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri, sedang mengkaji semua aspek masalah itu sebelum melaksanakan skim tersebut di negeri masing-masing.

Datuk Nik Hassan berkata sambutan nelayan-nelayan terhadap skim itu adalah agak lembab kerana rumitnya kedudukan perikanan di negara ini.

## Hubungan

Beliau berkata, telah sekian lama, nelayan-nelayan mengadakan hubungan dengan orang tengah, bergantung kepada mereka bagi mendapatkan bot, jaring, timbangan, penyimpangan dan pemasaran hasil tangkapan.

Datuk Nik Hassan menerangkan orang-orang tengah bertindak cepat apabila memberikan pinjaman kepada nelayan-nelayan semasa mereka tidak turun ke laut atau pada waktu-waktu genting yang lain.

"Mereka telah hidup dengan cara begini selama ini tetapi sekarang kita mahu menggalakkan mereka mempunyai satu badan bagi mentadbirkan semua aspek kehidupan mereka.

"Untuk menolong mereka melakukan perkara ini, kita telah menubuhkan koperatif nelayan yang menyatukan syarikat koperatif nelayan dengan persatuan nelayan menjadi sebuah badan tunggal.

"Kita telah menyusun semula dan mengemaskan susunannya supaya menjadi lebih berkesan lagi. Lembaga pengarahnya terdiri dari nelayan-nelayan itu sendiri sementara pengurusannya disediakan oleh Majuikan.

"Kita berharap akhirnya koperatif ini akan mengendalikan semua aspek keperluan nelayan — bot, jaring, minyak, kredit, pemasaran dan kebajikan termasuk biasiswa untuk anak-anak mereka.

Setakat ini telah ada 20 kedai koperatif, menjual barang-barang pengguna dan bekalan perikanan, iaitu sebelas buah di Trengganu lima di Kelantan dan empat di Pahang.

Akhirnya nanti Majuikan berharap kedai-kedai koperatif dapat dibuka di setiap kawasan perikanan di seluruh negara.

Kira-kira 43 peratus daripada 90,000 nelayan di negara ini telah menjadi anggota koperatif.

Utusan Malaysia - 28 Ogos 1978

Universiti Malaya

# $23.8 juta untuk Koperasi Nelayan

MERSING, Jumaat — Kementerian Pertanian telah meluluskan peruntukan berjumlah $23.8 juta kepada Lembaga Kemajuan Ikan (Majuikan) untuk membantu koperasi-koperasi nelayan bagi projek-projek 'Launching Grant' di seluruh negara sepanjang Rancangan Malaysia Ketiga, kata Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman hari ini.

Berucap di upacara perasmian mesyuarat agung Persatuan Nelayan Seri Mersing di sini, beliau berkata, dari jumlah tersebut negeri Johor mendapat peruntukan berjumlah $2.486 juta sepanjang tempoh rancangan tersebut.

Dari jumlah itu, katanya, $571,600 telah dibelanjakan sepanjang tahun 1978 bagi projek-projek perniagaan ikan, memelihara kerang, pembinaan bilik sejuk dan perniagaan minyak diesel.

Datuk Zakaria berkata, tahun ini $676,000 telah dibelanjakan bagi mengendalikan perniagaan kedai runcit dan alatganti serta projek perniagaan minyak diesel untuk Koperasi Nelayan.

Menurutnya, dari jumlah itu, kawasan Mersing mendapat peruntukan terbesar berjumlah $235,500.

## Pukat tunda

Di samping itu, katanya, di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga Majuikan menguntukkan $9.9 juta untuk membangunkan sektor perikanan di negeri Johor dengan mengusahakan beberapa projek.

Antara projek tersebut termasuklah pembinaan kompleks nelayan, kompleks perikanan, 'Launching Grant', pemeliharaan ikan air payau dan bot pukat tunda.

Datuk Haji Zakaria berkata, memang menjadi matlamat Kerajaan sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1971 untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat yang berpendapatan rendah melalui koperasi.

Katanya, hasil kajian Kerajaan waktu itu mendapati hampir kesemua koperasi yang secara langsung berkaitan dengan petani dan nelayan berada dalam keadaaan mundur dan tidak bertenaga.

Beliau berkata, Kerajaan terpaksa mengambil inisiatif dan pada tahun 1973 dan 1974, koperasi yang berkaitan dengan nelayan diletakkan di bawah Majuikan sementara koperasi peladang diletakkan di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang bagi melicinkan lagi bantuan dan bimbingan.

Berita Harian - 10 Nov 1979